

"KEKUATAN kita bukan saja pada wang ringgit, tetapi lebih ditentukan oleh budi pekerti yang mulia." - Titah sempena Awal Tahun Baru Hijrah 1420 bersamaan bulan April, 1999.

Pelita BRUNEI

قليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"BARANGSIAPA di antara kamu melihat perbuatan munkar maka cegahlah perbuatan itu dengan kekuasaannya. Apabila ternyata ia tidak mampu maka cegahlah dengan lidah dan apabila masih juga tidak mampu, maka hatinya harus mengingatkan perbuatan itu, tetapi yang terakhir ini adalah termasuk orang yang lemah imannya." - Hadis Riwayat Muslim.

TAHUN 46 BILANGAN 34

RABU 22 OGOS, 2001/1422 رابو 3 جمادى الآخير

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menyaksikan salah satu koleksi Al-Quran lama yang bersaiz besar yang turut dipamerkan di Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001. (Lagi cerita dan gambar-gambar di muka 8 & 9).

Bangkit semula bangunkan tamadun Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru umat Islam agar meningkatkan kesedaran secara kolektif di samping berusaha secara bersepadu untuk bangkit semula mencapai tamadun yang telah hilang.

Bertitah menyempurnakan perasmian Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001, baginda menekankan bahawa dunia telah mengakui yang pada suatu masa dahulu, kegemilangan dan keagungan tamadun Islam telah merintis jalan ke arah ketinggian peradaban manusia dan dunia.

Menurut titah baginda, sejarah telah benar-benar menyaksikan bahawa beberapa buah kota Islam pernah menjadi pusat dan tumpuan untuk mempelajari kemahiran dan tamadun yang dibangunkan pada ketika itu.

Tetapi sayang seribu kali sayang, tambah baginda, tamadun yang dibina dengan pengorbanan dan susah payah itu, kini hanya tinggal sebagai ristaan saja dan dalam masa yang sama tamadun yang menjadi milik

umat Islam itu kini telah diubahsuai oleh orang lain sehingga mencetuskan zaman sains dan teknologi serta dunia IT yang perkasa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah menjelaskan, tamadun mutakhir yang sebenarnya pada peringkat awal, bukanlah milik siapa-siapa melainkan milik Islam dan umatnya.

"Apa juga yang terjadi, yang penting bagi kita umat Islam sekarang ialah adanya kesedaran tulen untuk bangkit semula mencapai tamadun yang telah hilang. Dan kesedaran ini pula mestilah bersifat kolektif dan menyeluruh yang diikuti dengan usaha-usaha secara bersepadu," titah baginda.

Di majlis yang berlangsung di Jabatan Mufti Kerajaan itu, baginda juga melahirkan keyakinan agar ekspo berkenaan sedikit sebanyak akan dapat membuka minda umat Islam untuk terus meneroka jalan-jalan yang lebih luas ke arah memartabatkan Islam dan umatnya.

KEADAAN UDARA BERJEREBU

KEMENTERIAN Kesihatan menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam pada masa ini sedang mengalami keadaan udara berjerebu di peringkat sederhana.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan menasihatkan mereka yang menghidap penyakit pernafasan seperti ampuas adalah dinasihatkan untuk menghadkan aktiviti-aktiviti luar yang melibatkan gerak badan yang berlebihan. Aktiviti-aktiviti sedemikian melibatkan pernafasan yang kuat yang mana menyebabkan lebih banyak lagi tersedutnya udara yang tercemar. Keadaan

ini akan menambahkan lagi masalah pernafasan seperti penyakit asma, terutama sekali di kalangan kanak-kanak, orang-orang tua dan pesakit-pesakit.

Dalam keadaan ini, Kementerian Kesihatan sentiasa bersedia dengan mengambil langkah-langkah tertentu seperti menyediakan ubat-ubatan dan peralatan perubatan yang mencukupi.

Kementerian Kesihatan akan sentiasa memberikan nasihat kesihatan kepada orang ramai dalam sama-sama menangani masalah keadaan jerebu dari semasa ke semasa.

PERPUSTAKAAN ISLAM BRUNEI DARUSSALAM DITUBUHKAN

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Ogos. - Jabatan Mufti Kerajaan yang dihasratkan untuk sama-sama berperanan dalam menjana kemajuan ummah di bidang yang bersesuaian dengannya di samping mengeluarkan fatwa juga perlu komited untuk mewujudkan pusat rujukan ilmu Islam yang lengkap sebagai syarat atau langkah bagi mencapai tamadun yang diinginkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian di Majlis Pelancaran Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001 di Jabatan Mufti Kerajaan di sini.

Ke arah itulah, baginda berhasrat supaya ditubuhkan sebuah perpustakaan Islam yang mempunyai agenda ilmu meliputi tiga program utama seperti mengumpul secara sistematik segala ilmu dan maklumat Islam, meliputi semua mazhab di dalam pelbagai bahasa di samping mengembang serta menyibarkannya sekali.

"Alhamdulillah, di dalam kompleks bangunan ini, perpustakaan yang disebutkan itu telah pun teras dan beta sudahpun memperkenankan namanya sebagai Perpustakaan Islam Brunei Darussalam," titah baginda.

Ketika bertitah mengenai ekspo itu, baginda secara peribadi amat mengalu-alukan langkah yang dibuat oleh Jabatan Mufti Kerajaan itu sebagai suatu usaha ke depan yang berani dan berwawasan.

Baginda turut menyedari, usaha mengumpul penyertaan umat Islam dari pelbagai negara luar bukanlah suatu kerja yang mudah tetapi memerlukan usaha gigih dan kesabaran.

Selain dari itu, titah baginda, usaha mendatangkan artifak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah merupakan satu lagi inisiatif yang juga memerlukan keyakinan.

Untuk mendapatkan-nya, titah baginda, bukanlah mudah kecuali melalui rundingan-rundingan yang bersungguh-sungguh lagi telus sehingga pihak-pihak yang memiliki artifak-artifak tersebut menaruh keyakinan sepenuhnya.

"Berkat niat baik serta persefahaman dengan para pemilik artifak tersebut, maka Allah telah mengizinkan rakyat dan penduduk di negara ini untuk melihat sendiri artifak-artifak tersebut," titah baginda.

Ketika bertitah memberikan penghargaan kepada pihak-pihak yang telah sudi meminjamkan artifak-artifak tersebut, baginda juga menaruh keyakinan bahawa kerjasama yang diberikan oleh negara-negara sahabat dan orang perseorangan itu akan dapat lagi merapatkan jalinan persahabatan yang telah sedia kukuh.

Sambil mengalu-alukan semua peserta ekspo terdiri dari para ulama, pakar-pakar dan cendekiawan, ahli-ahli perniagaan dan pertubuhan-pertubuhan Islam dari serata pelusuk dunia, baginda mendoakan agar pertemuan yang singkat itu sekurang-kurangnya akan menjadi titik awal berputiknya persefahaman dan semangat sejagat bagi membina semula tamadun Islam di persada antarabangsa.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Kanak-kanak merupakan aset negara yang sangat berguna
- Muka 2

Senyum Budiman :

Banci penduduk 2001
- Muka 3

Tiga menerima Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah

- Muka 5

Brunei akan tubuh pasaran kewangan

- Muka 7

Bahasa dan Budaya :

Kesusasteraan tanah air perlu diperjelas
- Muka 2 ANEKA

Alam Sekitar :

Perjanjian pencemaran jerebu ditandatangani November 2001
- Muka 5 ANEKA

Ekonomi :

Internet, IT mempercepat perniagaan
- Muka 10 ANEKA

TAHUKAH AWDA

MENURUT Akta Banci, Penggal 78 daripada Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, semua maklumat dalam Banci Penduduk dan Perumahan 2001 Peringkat Kedua mulai 22 hingga 31 Ogos, 2001 akan dirahasiakan, dan hanya akan dipergunakan bagi maksud perangkaan kerajaan

KONTAK PELITA BRUNEI
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita.1.htm>
e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804 / 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507



دغن نام الله یغمها
قمره دان مها قپایغ

Dari Sidang Pengarang

3 جمادى الآخرة . 22 OGOS, 2001 BERSAMAAN 1422

MEMBINA SEMULA TAMADUN ISLAM

PERJALANAN umat Islam di persekitaran strategik abad ke-21 ini begitu mencabar dan penuh ranjau. Akhirnya Islam berada di persimpangan sejarah dan jauh daripada berkeupayaan mencorak hala tuju dunia antarabangsa. Malah Islam terus dirundung malang. Umatnya kini mewarisi persoalan dan permasalahan abad lalu dan kini terpaksa menghadapi cabaran abad baru. Dan yang lebih menyedihkan lagi Islam kehilangan segala yang dimilikinya termasuk tamadun Islam.

Kalau kita berbalik kepada sejarah Islam, dunia telah mengakui tentang kegemilangan dan keagungan tamadun Islam yang telah merintis jalan ke arah ketinggian peradaban manusia dan dunia. Orang-orang Islamlah yang mula-mula sekali mempelopori segala bidang ilmu dan kemahiran baik di bidang fizik, ekonomi, astronomi dan peralatan senjata perang dan pelbagai lagi disiplin ilmu pengetahuan. Sejarah juga telah menyaksikan bahawa beberapa buah kota Islam pernah menjadi pusat dan tumpuan untuk mempelajari kemahiran dan tamadun yang dibangunkan ketika itu. Tetapi sayang seribu kali sayang, tamadun yang dibina dengan pengorbanan dan susah payah itu kini hanya tinggal sebagai ristaan dan kenangan. Tamadun yang menjadi milik umat Islam kini telah diubahsuai oleh orang lain sehingga mencetuskan zaman sains dan teknologi serta dunia teknologi maklumat (IT) yang perkasa. Tamadun mutakhir yang sebenarnya pada peringkat awal itu bukanlah milik siapa-siapa, melainkan milik Islam dan umatnya.

Kehilangan tamadun Islam itu adalah berpunca daripada kelalaian umat Islam sendiri yang dibuai oleh mimpi-mimpi yang indah. Di samping itu, kurangnya semangat kerjasama dan kesatuan di kalangan umat Islam, sehingga hari ini kita menyaksikan Islam berperang sesama sendiri, bermusuhan dan bercakaran sesama sendiri yang akhirnya membawa kepada perpecahan dan kehancuran Islam.

Maka dalam hubungan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanall Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa melancarkan Ekspo Islam Antarabangsa Pertama baru-baru ini telah menyeru umat Islam agar meningkatkan kesedaran secara kolektif di samping berusaha secara bersepadu untuk bangkit dan membina semula tamadun Islam yang hilang itu.

Baginda berkeyakinan bahawa ekspso berkenaan sedikit sebanyak akan membuka minda umat Islam untuk terus meneroka jalan-jalan yang lebih luas ke arah memartabatkan Islam dan umatnya. Dan akan juga menjadi titik awal berputiknya persefahaman dan semangat sejagat bagi membina semula tamadun Islam di persada antarabangsa.

Bagi Negara Brunei Darussalam, Islam akan terus bercahaya dan bersinar di bumi bertuah ini dan akan terus mencapai kegemilangan. Berkat pimpinan bijaksana, raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sangat-sangat mengambil berat mengenai Islam dan benar-benar menjadikan Islam itu berfungsi dalam kehidupan, bukan setakat sebutan saja tetapi dipakai dan diamalkan. Islam kita bukan Islam lepas dan sambil lewa, tetapi Islam yang raket dan bersemi di hati.

Sejarah telah dan sedang menyaksikan bahawa baginda adalah raja yang berani kerana Islam yang mentadbir dan memimpin negara dengan hati singa sedang orang lain tidak mampu berbuat demikian. Kepimpinan baginda tereslah di mata dunia kerana baginda dengan berani mengharamkan arak di Negara Brunei Darussalam. Baginda banyak menyempurnakan fardu kifayah dengan menubuhkan Institusi Kewangan Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah untuk rakyat, Institut Tahfiz Al-Quran dan memperkenankan undang-undang supaya disesuaikan dengan kehendak Islam.

Dan untuk lebih membangkitkan semula tamadun Islam, baginda telah pun memperkenankan penubuhan sebuah perpustakaan Islam yang diberi nama Perpustakaan Islam Brunei Darussalam yang merupakan pusat rujukan ilmu Islam. Perpustakaan berkenaan mempunyai agenda ilmu meliputi tiga program utama seperti mengumpul secara sistematik segala ilmu dan maklumat Islam meliputi semua mazhab di dalam pelbagai bahasa di samping mengembang serta menyebarkananya sekali.

Alhamdulillah, sebagai sebuah negara Islam, bumi darussalam akan terus komited dengan Islam dan akan terus berusaha dengan gigih bagi memcermerlangkan Islam kerana kita percaya bahawa Islam adalah agama syariat daripada Allah yang telah menjamin kehidupan di dunia dan akhirat. Pokok pangkalnya kita tidak perlu takut dalam memperjuangkan Islam, sekalipun kerja-kerja Islam itu banyak rintangan dan cubaan serta halangan dan risikonya yang tinggi.

HALUAN ...

**Kanak-kanak
merupakan aset
negara yang
sangat berguna**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ALHAMDULILLAH, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan hidayah dan izin-Nya juga, maka kita dapat berkumpul di majlis yang berbe-bajikan pada petang ini, iaitu Majlis Penyerampian Hadiah Peraduan Kanak-kanak Sihat, sempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara yang dianjurkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI).

Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta para sahabat, kaum kerabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Kehadiran anak-anak di dalam kehidupan berkeluarga dan berumah tangga adalah merupakan penyerta kehidupan. Adalah menjadi sumber kebanggaan dan kebahagiaan kepada ibu bapa dan keluarga apabila melihat anak-anak mereka membesar dengan sihat dan sempurna.

Ini memerlukan penjagaan dan asuhan yang rapi ke atas kanak-kanak baik dari segi pemberian makan minum mahupun kesihatan diri mereka termasuk persekitaran rumah di mana mereka membesar.

Dalam waktu yang sama, pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak dengan sempurna adalah merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan baik.

Kerana kanak-kanak itu adalah merupakan sebagai penyambung kepada zuriat kita dan aset kepada negara yang sangat berguna. Maka sudah barang setentunya kita dan negara inginkan zuriat penyambung yang sempurna dan sihat dari segi mental, fizikal dan kerohanian mereka.

Tema Peraduan Kanak-kanak Sihat pada tahun ini yang berbunyi 'Jangan Sisihkan, Beri Pemudlian' yang mana adalah juga merupakan sebagai tema Hari Kesihatan Sedunia 2001, adalah sangat bertepatan sekali dalam mengingatkan ibu bapa dan masyarakat dalam memberikan asuhan dan pemeliharaan ke atas kanak-kanak pada masa kini. Kerana ibu bapa, keluarga dan masyarakat

berhadapan dengan pelbagai cabaran yang timbul daripada pengaruh-pengaruh persekitaran dan tekanan-tekanan dalam kehidupan seperti pekerjaan dan hidup mengejar kebendaan.

Disebabkan oleh kesibukan-kesibukan dan tekanan hidup yang dihadapi, sebahagian ibu bapa, keluarga dan masyarakat menjadi alpa dan lalai kepada tanggungjawab asas mengenai dengan pengasuhan dan pemeliharaan

SABDA Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam binti Haji Abdul Aziz di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Kanak-kanak Sehat sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 3 Ogos, 2001.

kanak-kanak yang sempurna.

Sehingga ada sebahagiannya beranggapan kehadiran kanak-kanak adalah merupakan sebagai satu bebanan dan gangguan dalam kehidupan.

Adalah satu fenomena yang sangat mendukacitakan apabila kita melihat kanak-kanak yang memerlukan asuhan, belaian kasih sayang dan keprihatinan ke atas kebajikan mereka tidak diberikan pemedulian yang sewajarnya.

jarnya dan disisihkan begitu sahaja oleh ibu bapa dan anggota masyarakat.

Perlu disarankan di sini, pembentukan masyarakat yang harmoni dan penyayang adalah bermula daripada pengasuhan awal kanak-kanak itu sendiri.

Ini termasuklah juga pemeduliaan yang diberikan oleh masyarakat umum ke atas kebajikan dan kesejahteraan mereka. Sepertimana yang kita fahami kanak-kanak mengambil contoh dan belajar

daripada ibu bapa dan masyarakat sekeliling mereka.

Perkara ini adalah sangat jelas di dalam kehidupan kita, kerana pepatah Melayu ada mengatakan, 'Bagaimana acuan begitulah kuihnya'.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan anggota masyarakat untuk mencorakkan kanak-kanak menjadi insan yang berguna dengan menyemaikan dan memberikan contoh sifat-sifat yang mulia dan menjadikan diri mereka sebagai contoh ikutan yang unggul.

Pada hemat saya, belaian dan pemedulian yang perlu diberikan kepada kanak-kanak oleh ibu bapa dan anggota masyarakat meliputi pelbagai aspek. Ini dapat dilihat dari aspek khusus dan aspek umum.

Secara khususnya ialah pemberian kasih sayang yang sepenuhnya oleh ibu bapa melalui pengasuhan, belaian kasih sayang dan pemberian pendidikan yang sempurna. Manakala secara umumnya, ialah pemberian perhatian ke atas kebajikan kanak-kanak dengan memberikan perlindungan sosial dan undang-undang, yang mana semua anggota masyarakat dan badan-badan pertubuhan dan bukan kerajaan adalah sama-sama berperanan.

Saya penuh yakin, insya-Allah, dengan adanya kesedaran di kesemua peringkat di Negara Brunei Darussalam atas tanggungjawab memberikan belaian dan pemudalian yang berterusan kepada kanak-kanak, kita akan berhasil melahirkan zuriat dan generasi yang sihat, penyayang, berpendidikan, berdisiplin dan mempunyai kecemerlangan dan kevakinan diri.

Sekian, Wabillahi
Taufik Walhidayah, Was-
salamualaikum Warah-
matullahi Wabarakatuh.

OLEH yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan anggota masyarakat untuk mencorakkan kanak-kanak menjadi insan yang berguna dengan menyemaikan dan memberikan contoh sifat-sifat yang mulia dan menjadikan diri mereka sebagai contoh ikutan yang unggul.

Kebawah DYMM berkenan hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Kim Dae-Jung, Presiden Republik Korea bersempena dengan Ulang Tahun Hari Pembebasan Republik Korea.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Korea. Baginda

seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap semoga Tuan Yang Terutama Tuan Kim Dae-Jung Presiden Republik Korea sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Korea akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu pada 17 Ogos, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Presiden Megawati Sukarnoputri, Presiden Republik Indonesia bersempena Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-56.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan

lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan salam sejahtera kepada Puan Yang Terutama Presiden Megawati Sukarnoputri, Presiden Republik Indonesia serta seluruh rakyat Republik Indonesia dengan iringan doa semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa mengurniakan rahmat-Nya agar Puan Yang Terutama akan sentiasa berada dalam keadaan sihat wal'afiat dan bagi rakyat Republik Indonesia berterusan menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

MENERIMA MENGADAP MUFTI NEGARA SAHABAT

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap serombongan 13 orang Mufti dari negara-negara sahabat di Istana Nurul Iman.

Hadir sama di Majlis Mengadap itu ialah Mufti Kerajaan, Yang Dimulikan Lagi Dihormati, Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Rombongan Mufti itu berada di negara bagi menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Expo Islam Antarabangsa Pertama 2001 dan Ketua-ketua Delegasi Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Mengenai Pembangunan Remaja dan Belia Negara-negara Anggota Majlis Ugama Brunei, Republik Indonesia, Ma-

Oleh Haji Ahat HI

laysia dan Republik Singapura (MABIMS), pula menghadiri mesyuarat berkenaan selama empat hari bermula 16 Ogos lepas.

Sementara itu pada hari yang sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap para penerima Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi tahun 2000, di Istana Nurul Iman.

Mereka adalah terdiri dari Dr. Akmar Dhia Al-Umari, seorang pensyarah dalam bidang hadis di Universiti Qatar, Dr. Munir Mohammad Najib Al-Ghaddan, seorang pengkaji pendidikan di Universiti Umm Al-Qura di Mekah Al-Mukarramah dan Ustazah Samira

Hassani Al-Zayed dari Damsyik.

Hadir di Majlis Mengadap itu ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Pengarah Pusat Pengajian Islam Oxford, Dr. Farhan Nizami.

Ketiga-tiga mereka menerima anugerah di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 16 Ogos lepas sebagai pengiktirafan kecemerlangan akademik dalam pengajian sirah Nabi.

Anugerah tersebut adalah sebahagian daripada program utama bagi Pengajian Tamadun Islam yang berpusat di Pusat Pengajian Islam Oxford yang diasaskan dan ditahkkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan lawatan negara baginda ke United Kingdom tahun 1992.

Berkenan menerima mengadap Menteri Penerangan Malaysia

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Penerangan Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Mohd Khalil Yaakub di Istana Nurul Iman di sini.

Yang Berhormat yang disertai oleh beberapa orang pegawai tiba ke negara ini pada hari Sabtu dalam rangka lawatan selama tiga hari iaitu Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Tuan Yang Terutama Tuan Salman Ahmad; Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Malaysia, Yang Berbahagia Dato Dr. Arshad Hashim dan Ketua Pengarah Radio Televisyen Malaysia, Yang Berbahagia Dato Ali Musa Sulaiman.

Semasa berada di sini, Yang Berhormat dan rombongan telah menyaksikan satu rancangan kesefahaman di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia iaitu Rancangan Senandung Muhibah yang diadakan di Jerudong Park.

Selain itu rombongan juga mengadakan beberapa lawatan ke tempat-tempat yang menarik termasuk

menyaksikan Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001, melawat Muzium Brunei, Bangunan Alat Kebesaran Diraja, Kampong Ayer dan mengadakan perlawanan golf persahabatan.

Hadir semasa di majlis itu Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hazair.

Menteri Penerangan Malaysia dan rombongan sebelum berangkat pulang ke Malaysia juga mengadakan kunjungan hormat kepada Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

DPPW berkenan hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Republik Korea, Tuan Yang Terutama Tuan Han Seung-Soo sempena dengan Hari Pembebasan Republik Korea.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia bersabda melahirkan perasaan gembira di atas hubungan kerjasama dan persahabatan yang erat dan kukuh antara kedua-dua buah negara.

Duli Yang Teramat Mulia berharap agar hubungan baik berkenaan akan terus diperluaskan sama ada secara dua hala atau sebagai rakan dalam APEC dan

dalam mesyuarat pelbagai dialog ASEAN.

Sementara itu pada 17 Ogos lepas, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menghantar perutusan yang sama kepada Tuan Yang Terutama Dr. H. Hassan Wirajuda, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia sempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-56.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama, kerajaan dan seluruh rakyat Republik Indonesia sempena dengan sambutan itu.

Duli Yang Teramat Mulia dalam sabdanya merasa gembira dengan hubungan kerjasama di antara kedua-dua negara yang sentiasa berjalan dengan baik dan bertambah kukuh dari masa ke semasa.

SENYUM BUDIMAN



"BERIKAN LAH SUMBANGAN DAN KERJASAMA KAPADA PEGAWAI-PEGAWAI BANGSI PENDUDUK YANG DATANG KERUMAH TUAN-TUAN."

BERKENAN MENGURNIAKAN WATIKAH PERLANTIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watakah perlantikan dan menerima mengadap dua bakal duta besar dan empat bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam yang akan berkhidmat ke negara-negara sahabat di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Mula-mula baginda berkenan mengurniakan watakah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad bin Syed Haji Mashore, bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu dan diikuti dengan pengurniaan watakah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia.

Baginda seterusnya berkenan mengurniakan watakah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Md. Daud bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Bangladesh dan kemudiannya kepada Tuan Yang Terutama Kolonel (B) Dato Seri Laila Jasa Awang Jocklin bin

Oleh Sahari Akim
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO
dan Harun HR

Kongpaw, bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia.

Setelah itu, baginda berkenan pula mengurniakan watakah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Awang Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke India dan kemudiannya kepada Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Hamid bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea.

Selesai sahaja Majlis Pengurniaan Watakah Perlantikan, baginda kemudian berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke luar negeri itu di ruang lain istana.

TYT Awang Haji Ahmad Murad yang dilahirkan pada 17 Mac, 1943 mula belajar di Sekolah Ingeris Brunei, kemudian meneruskan pelajaran ke Sekolah Islam Al-Juned, Republik Singapura; Kolej Islam, Kelang, Selangor seterusnya mengikuti pengajian di Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir dan University Birmingham, England.

TYT juga pernah bertugas sebagai pensyarah di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanul Bolkiah dan Pengetua Maktab Perguruan Agama Seri Begawan, Pegawai Kanan Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama dan Duta Besar ke Jepun.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah yang dilahirkan pada 22 Februari, 1940 adalah pemegang Diploma dalam Pentadbiran Awam dan Sosial dari Torquay, England.

TYT pernah bertugas di Perkhidmatan Pentadbiran Brunei, Magistret Kelas II di Jabatan Kehakiman, Pegawai Daerah, Pesuruhjaya Tanah, Pengarah Pentadbiran di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pesuruhjaya Tinggi ke Republik Singapura dan selepas itu ke Australia, Pengarah Protokol dan Hal Ehwal Kaunselor Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Duta Besar ke Republik Rakyat China dan terakhir menjadi Duta Besar ke Arab Saudi yang juga Duta Besar Tidak Menetap ke Bahrain.

TYT Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti yang dilahirkan pada tahun 1948 adalah pemegang ijazah B.A. Kejuruteraan Universiti Al-Azhar Kaherah, Mesir; Diploma Pendidikan di Birmingham, B PHIT ED, Birmingham, United Kingdom dan Sijil Tertinggi Kolej Islam, Malaysia.

TYT antara lain pernah bertugas sebagai Pengetua Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanul Bolkiah; Pegawai Agama Kanan di Kementerian Hal Ehwal Agama; Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan; Ketua Bahagian Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Agama; Pengarah Pentadbiran di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Setiausaha Sulit kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himimah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duta Besar ke Arab Saudi, Duta Besar ke Republik Islam Iran dan Pesuruhjaya Tinggi ke India.

TYT Dato Jocklin bin Kongpaw yang dilahirkan pada 12 November, 1944 mula bersekolah di Sekolah Melayu Ukong, Tutong, kemudian meneruskan pengajian di Maktab Anthony Abell, Seria.

Tuan Yang Terutama telah memasuki Angkatan Tentera Diraja Brunei pada tahun 1965 dan pernah menghadiri kursus di Sekolah Pegawai Kadet dan Maktab Staf Angkatan Udara Diraja England. Tuan Yang Terutama pernah dilantik sebagai Pemerintah Angkatan Tentera Udara, Pengarah Keselamatan dan Intelligence Kementerian Pertahanan, Atachi Tentera ke Republik Singapura dan Pengarah Pentadbiran dan kakitangan MINDEF.

TYT Awang Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail yang dilahirkan pada 1 Oktober, 1952 adalah lulusan Sarjana (MA) di bidang Diplomatik dan Undang-undang Antarabangsa dari Fletcher School of Law and Diplomacy, Boston, Amerika; pernah menuntut di Institut Pentadbiran Awam (EIPA) Maastricht, Kementerian Hal Ehwal Luar dan Perdagangan Antarabangsa Australia dan Universiti Nasional Australia.

TYT juga pernah bertugas sebagai Pengarah Politik II, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN); Pengarah Multilateral Ekonomi; Penolong Grand Chamberlain di Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sebelumnya TYT pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Protokol dan Kaunselor di KHELN, Setiausaha Kedua di Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Bangkok, Thailand dan Pegawai Pentadbir (Jabatan Politik, KHELN).

Sementara itu, TYT Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman yang dilahirkan pada tahun 1944 adalah pemegang ijazah Sarjana dalam Pengajian Kepolisian, di Universiti Exeter, United Kingdom dan pernah menghadiri kursus di Maktab Polis Metropolitan, United Kingdom, Maktab Latihan Instruktur, Letchworth, United Kingdom.

TYT pernah memegang pelbagai jawatan seperti Ketua Siasatan Jenayah dan Lalu Lintas (Penolong Pesuruhjaya Polis), Pengarah Pentadbiran dan Kewangan (Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis), Pengarah Siasatan Jenayah, Timbalan Pesuruhjaya Polis, (bersara dan kemudian diambil berkhidmat sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis secara kontrak selama dua tahun).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watakah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Dato Paduka Malai Haji Ahmad Murad bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu (kiri) dan kepada Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watakah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Bangladesh (kiri) dan kepada Tuan Yang Terutama Kolonel (B) Dato Seri Laila Jasa Awang Jocklin bin Kongpaw, bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watakah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Awang Haji Abdul Ghafar, bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke India (kiri) dan kepada Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman, bakal Duta Besar ke Republik Korea (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menyaksikan pertunjukan akrobatik Shandong dari Republik Rakyat China. Majlis berlangsung di Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Berangkat saksikan pertunjukkan akrobatik dari Republik China

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 18 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat menyaksikan pertunjukan akrobatik Shandong dari Republik Rakyat China yang berlangsung di Dewan Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain telah dijunjung oleh pihak penaja persembahan tersebut.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

'Abdul 'Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.

Pertunjukan akrobatik tersebut terdiri dari 49 orang anggota dan mengadakan persembahan selama dua jam serta merupakan yang pertama di negara ini sempena Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001.

Berkenan menerima menghadap

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima menghadap Datin Zaidah binti Haji Ibrahim, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Russia yang baru dilantik (gambar kanan).

Majlis menghadap berlangsung di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong.



TIGA MENERIMA ANUGERAH ANTARABANGSA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

BERAKAS, 16 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi tahun 2000 kepada tiga orang penerima di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Tiga penerima yang terpilih bagi mengiktiraf kecemerlangan akademik mereka dalam pengajian 'Sirah Nabi' ialah Dr. Akram Dhia Al-Umari, Dr. Munir Mohammad Najib Al-Ghaddan dan Puan Samira Hassani Al-Zayed.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan

pengurniaan anugerah berupa wang tunai, plak dan kain songket tenunan Brunei kepada ketiga penerima.

Dr. Akram Dhia Al-Umari adalah seorang pensyarah dalam bidang hadis di Universiti Qatar sejak tahun 1996 dan telah menghasilkan beberapa buah buku mengenai Sirah Nabi termasuk Al-Sirah Al-Nabawiyya Al-Sahihah sebanyak dua jilid.

Sementara itu, Dr. Munir Mohammad Najib Al-Ghaddan sehingga sekarang adalah merupakan seorang pengkaji pendidikan di Universiti Umm al-Qura di Mekah Al-Mukaramah dan antara hasil tulisan beliau termasuklah Al-Nabawiyyah dan Al-Manhaj

Oleh Sahari Akim
Gambar-gambar
oleh
Haji Haranadi HB
dan Masri Osman

Al-Tarbawi Lil Sirah Al-Nabawiyya.

Puan Samira Hassani Al-Zayed pula adalah seorang pengajar bahasa Arab di Damascus lebih dari tiga puluh tahun dan antara buku terbitan beliau yang utama ialah Al-Jame' fi Al-Sirah Al-Nabawiyya sebanyak dua jilid.

Anugerah tersebut merupakan sebahagian daripada program utama bagi Pengajian Tamadun Islam yang berpusat di Pusat Oxford Bagi Pengajian Islam yang telah diasaskan dan dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan lawatan negara baginda ke United Kingdom pada tahun 1992.

Antara tujuan pengurniaan itu adalah untuk mengiktiraf dan menggalakkan kecemerlangan akademik dalam apa jua bidang sastera, sains sosial dan kemanusiaan yang berkaitan dengan Pengajian Tamadun Islam.

Pengurniaan tersebut adalah merupakan yang kelima di mana majlis pengurniaan kali pertama telah diadakan di United Kingdom pada tahun 1995 dengan memilih bidang 'Hadis dan Sains Hadis'.

Lain-lain bidang yang telah dipilih pada tahun-tahun berikutnya ialah anugerah bagi 'Pengajian Quran', 'Pengajian Fiqh' dan 'Pengajian Biografi Tokoh Terkemuka Dalam Pemikiran Islam'.

Antara tetamu yang berangkat dan hadir di majlis yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Pendidikan dan Pusat Oxford Bagi Pengajian Islam termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, ahli-ahli majlis mesyuarat, timbalan-timbalan menteri, para perwakilan asing serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan Pengurniaan Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada Dr. Akram Dhia Al-Umari seorang pensyarah dalam bidang hadis dari Universiti Qatar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada Dr. Munir Mohammad Najib Al-Ghaddan, seorang pengkaji pendidikan dari Universiti Umm Al-Qura di Mekah Al-Mukaramah (kiri) dan kepada Puan Samira Hassani Al-Zayed seorang pengajar bahasa Arab dari Damascus (kanan).





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam berangkat mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra, Perdana Menteri Thailand yang mengadakan lawatan rasmi dua hari ke negara ini. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Lawatan rasmi Perdana Menteri Thailand

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 16 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra, Perdana Menteri Thailand yang mengadakan lawatan rasmi dua hari ke negara ini.

TYT kemudian memeriksa pasukan kawalan kehormatan dan seterusnya diperkenalkan kepada menteri-menteri kabinet dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia juga disembahkan kepada ahli-ahli rombongan rasmi Perdana Menteri Thailand.

Semasa lawatan ke negara ini, TYT mengadakan perbincangan dua hala dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menghadiri Majlis Santap Malam Rasmi dan menemui masyarakat Thai di Negara Brunei Darussalam.

Brunei - Thailand tandatangani MOU : KERJASAMA PENYIARAN, PENERANGAN DITINGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Ogos. - Negara Brunei Darussalam dan Thailand telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai kerjasama bidang penerangan dan penyiaran yang meliputi pelbagai aspek.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, manakala Kerajaan Thailand ditandatangani oleh Menteri Luarnya, Tuan Yang Terutama Dr. Surakiart Sathirathai.

Oleh Abdullah Asgar

Memorandum Persefahaman itu bertujuan meningkatkan kerjasama di antara agensi-agensi penyiaran dan penerangan kedua-dua buah negara.

Selain itu, memorandum itu juga menumpukan mengenai pembangunan sumber tenaga manusia melalui latihan dan pendidikan, pembangunan dalam penyelidikan dan teknologi perhubungan serta pertukaran program-program televisyen di antara Radio dan Televisyen Brunei dan Televisyen Thailand.

Majlis tersebut berlangsung di Balai Penghadapan Buki Kayangan di sini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menandatangani bagi pihak kerajaan dan Menteri Hal Ehwal Luar Thailand, TYT Dr. Surakiart Sathirathai menandatangani negaranya MOU mengenai kerjasama bidang penerangan dan penyiaran. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Orang ramai dapat membantu cegah kebakaran

BERAKAS, 4 Ogos. - Kakitangan awam dan orang ramai yang mempunyai pengetahuan mencegah kebakaran akan dapat membantu anggota pasukan bomba dengan mengambil langkah pencegahan awal sebelum kedatangan pasukan tersebut.

Menyedari akan hakikat ini, Kementerian

Perhubungan telah mengadakan Taklimat Pencegahan Kebakaran Keselamatan dan Pengosongan Bangunan berlangsung di Kementerian tersebut di sini.

Hadir di taklimat itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria,

Menteri Perhubungan dan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah serta pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut.

Selain mendengar taklimat yang disampaikan oleh Awang Othman Jailani bin Haji Ismail, Pemangku Penguasa Per-

khidmatan Bomba, para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan juga mengikuti latihan amali penggunaan alat-alat pemadam api di luar yang diadakan di luar bangunan.

Sementara itu, Pengerusi Majlis, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Perhubungan, Pengiran Haji Hallid bin Pengiran Mohammad dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi terutama penggunaan peralatan pemadam api, dan tugas-tugas menyelamatkan sekurang-kurangnya akan dapat membantu menyelamatkan nyawa dan harta benda jika berlaku sebarang kebakaran.

Katanya, adalah mustahil bagi anggota Perkhidmatan Bomba berada di tempat kebakaran semasa ia mula berlaku, maka oleh yang demikian kakitangan yang mempunyai kemahiran dan penge-

Oleh Sahari Akim

tahuan akan bertindak membuat pencegahan awal supaya api dapat dikawal dari cepat merebak.

Setentunya dalam menghadapi suasana kritikal itu, pegawai-pegawai yang berpengalaman akan dapat membantu memastikan semua rakan-rakan sepejabat yang lain digerakkan untuk berkumpul ke kawasan 'assembly area' yang selamat.

Terdahulu beliau berkata, sejak tertubuhnya Komiti Sekuriti Keselamatan Dan Alam Sekitar (KSKAS) pada tahun 1998, komiti itu telah melaksanakan beberapa rancangan sokongan dan latihan bukan sahaja bagi Kementerian Perhubungan malahan juga jabatan-jabatan di bawahnya.

Menurutnya, antara aktiviti yang dilaksanakan termasuklah pemeriksaan

bangunan yang ditumpukan kepada alat-alat pemadam kebakaran, pendawaian elektrik, keselamatan peralatan, keselamatan dokumen, keselamatan persekitaran bangunan serta keselamatan awam.

Komiti itu juga mengambil perhatian berat terhadap keselamatan

pelaut-pelaut dan pengguna jalan raya terutamanya di beberapa kawasan yang perlu ditingkatkan keselamatannya, di samping secara umumnya meneliti perkara-perkara yang berhubungkait dengan aspek keselamatan yang mungkin berlaku dalam industri pengangkutan dan perhubungan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, Menteri Perhubungan bersama Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai dari Kementerian Perhubungan ketika mengikuti Taklimat Pencegahan Kebakaran. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.



PEMANGKU Penguasa Perkhidmatan Bomba, Awang Othman Jailani ketika memberikan taklimat mengenai pencegahan awal kebakaran sebelum kedatangan pasukan bomba. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Brunei akan tubuh pasaran kewangan

JERUDONG, 7 Ogos. - Negara Brunei Darussalam hanya menunggu masa untuk menubuhkan pasaran kewangannya sendiri yang bermakna negara ini akan menerbitkan bon kerajaan berbentuk Islam dengan pelbagai tahap kematangan sama ada dalam mata wang sendiri atau ringgit Amerika.

Negara Brunei Darussalam boleh menjual aset atau menswastakan aset awam melalui transaksi 'Salam atau Ijarah (Pajakan)' kemudian menukar transaksi bagi membentuk bon kerajaan yang sejajar dengan hukum Syariah seperti yang telah dilaksanakan di Timur Tengah.

Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap menyatakan perkara tersebut semasa berucap di Majlis Makan Malam sempena Penutup Persidangan Islam Antarabangsa Brunei Mengenai Perbankan dan Kewangan Islam di Kelab Polo di sini.

Yang Mulia menambah, koperasi-koperasi besar di negara ini juga boleh meningkatkan kewangan melalui bon-bon Islam atau melindungi sebahagian transaksi mereka bagi mewujudkan bon-bon Islam.

Sebagai contoh, jelasnya, syarikat minyak boleh membeli tangki melalui sistem pajakan kemudian menukarkannya dengan kaedah 'Shuquq', iaitu bon yang dijamin oleh aset nyata sekali gus menepati keperluan syariah. Begitulah juga halnya dengan syarikat penerbangan jika memerlukan pembelian pesawat.

Semua jenis sekuriti dan bon tersebut boleh digunakan sebagai rezab dan pelaburan sama ada bagi bank Islam ataupun konvensional manakala apabila mereka menghadapi masalah kecairan, bank boleh menawarkan sekuriti itu kepada bank Islam lain atau bank pusat, misalnya untuk tempoh dua minggu kemudian membelinya semula selepas tempoh itu berakhir.

Setentunya sekuriti ringgit Brunei akan digunakan bagi transaksi antara bank domestik sementara ringgit Amerika boleh dipakai bagi transaksi bank antarabangsa.

Oleh yang demikian Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei (BIFC) boleh berperanan dalam mempromosikan pengeluaran sekuriti ringgit Amerika terutamanya oleh bank-bank pesisir antarabangsa yang diletakkan di bawah BIFC.

Terdahulu Yang Mulia menyatakan, Negara Brunei Darussalam kini mempunyai tiga institusi perbankan Islam tempatan dengan jumlah aset 30 peratus dari keseluruhan industri perbankan di samping tiga syarikat takaful dengan jumlah premium lebih kurang 45 peratus dari keseluruhan industri insurans di negara ini.

Menyentuh penubuhan BIFC pada tahun lepas, Yang Mulia berkata, ia bertujuan untuk membuka lebih banyak peluang kepada industri kewangan dan perbankan termasuk perbankan Islam dan lain-lain perkhidmatan kewangan Islam dari dalam dan luar negeri.

Yang Mulia seterusnya berkata, seperti juga kebanyakan bank moden, perbankan dan kewangan Islam juga sentiasa bersifat dinamik dan terbuka kepada pemikiran dan idea-idea baru.

Produk-produk baru dirancang dan dilaksanakan hampir setiap hari di seluruh dunia untuk menyesuaikan dengan kepelbagai-



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap menjelaskan Negara Brunei Darussalam boleh menjual atau menswastakan aset awam melalui transaksi 'Salam atau Ijarah'. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Oleh Sahari Akim

KOPERASI-KOPERASI besar di negara ini juga boleh meningkatkan kewangan melalui bon-bon Islam atau melindungi sebahagian transaksi mereka bagi mewujudkan bon-bon Islam.

Negara Brunei Darussalam terkenal sebagai negara yang berpegang teguh dan menjadikan ajaran Islam sebagai cara hidup, akan tetapi ia tidak boleh dijadikan sandaran semata-mata sebaliknya ia menghendaki dedikasi yang berterusan untuk memajukan negara ini sebagai pusat perkhidmatan kewangan.

Di majlis itu, Yang Mulia juga mengumumkan bahawa BIFC telah memberikan lesen pertama kepada Dana Mutuul Islam di samping menjangkakan enam lagi permohonan bagi lesen-lesen bank antarabangsa termasuk dua lesen perbankan Islam.

Dalam masa yang sama, Dana Infrastruktur IDB yang berpangkalan di Ba-

harin juga mengumumkan untuk menubuhkan pejabat cawangan bagi rantau Asia di Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia menyarankan, untuk menjadi Pusat Kewangan Islam yang cemerlang dan berkembang, Negara Brunei Darussalam perlu berusaha ke arah pengiktirafan termasuk mengukuhkan infrastruktur yang berpatutan.

Negara bukan hanya memerlukan kemudahan asas bagi penyeliaan yang mantap, tetapi juga memerlukan rakyat yang mahir serta pihak-pihak terlibat yang bermotivasi untuk memastikan kemudahan berkenaan digunakan dengan sempurna.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	TEMPOH MASA
1.	Aduan yang menjejaskan kekukuhan dan keselamatan bangunan : a) Aduan kerosakan yang berlaku semasa tempoh pemeliharaan pemborong (selama 9 bulan). b) Aduan kerosakan yang berlaku selepas tempoh pemeliharaan pemborong (selepas 9 bulan).	2 minggu ke 1 bulan 1 - 2 bulan
2.	Permohonan untuk mendiami rumah-rumah kediaman sementara (teres atau transit).	1 minggu
3.	Proses kebenaran pinjaman kewangan perumahan (bagi pembinaan rumah baru dan tambahan ubahsuai dalam RPN, STKRJ dan Rancangan Perpindahan). a) Pengeluaran sijil pengesahan. b) Mengeluarkan surat kebenaran dan memo ke Kementerian Kewangan untuk kebenaran selanjutnya.	3 minggu 2 minggu
4.	Penyelidikan tanah	serta merta

Perbankan Islam perlu tingkat kualiti p'khidmatan

JERUDONG, 7 Ogos. - Survival perbankan Islam bergantung kepada pencapaian dan effisiensinya di mana dalam menghadapi persaingan, globalisasi dan liberalisasi secara lebih efektif ia harus meningkatkan keberkesannya, inovatif dan bersifat mesra pengguna.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menekankan perkara tersebut di Majlis Makan Malam Penutup Persidangan Islam Antarabangsa Brunei Mengenai Perbankan dan Kewangan Islam di Kelab Polo Jerudong.

Tambah Yang Dimuliakan, kewujudan perbankan dan sistem kewangan konvensional yang sudah bertapak sejak 600 tahun lampau setentunya tidak dapat digantikan dalam tempoh yang singkat, maka adalah penting untuk kita berusaha kuat dalam tempoh masa dan rangka kerja yang berpatutan demi mengembangkan sistem kewangan Islam.

Oleh Sahari Akim

"Persaingan dari bank-bank konvensional dijangka terus meningkat dalam masa terdekat selaras dengan globalisasi. Ia juga disebabkan liberalisasi pasaran dunia yang begitu cepat menjurus kepada satu pasaran."

"Untuk mendapatkan manfaat dari peluang-peluang yang tersedia dari proses persejagatan, perbankan Islam perlu meningkatkan kualiti perkhidmatan-perkhidmatan di samping mengembangkan produk-produknya," saran Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan menjelaskan, inovasi teknologi juga memainkan peranan penting dalam integrasi kewangan dan persejagatan di mana perbankan elektronik dan meluasnya penggunaan komputer dalam perbankan telah menukar pengendalian perbankan dan dalam masa yang sama penggunaan ICT boleh membantu ke arah per-



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menekankan 'survival' perbankan Islam bergantung kepada pencapaian dan effisiensinya. - Gambar oleh Harun HR.

kongsian maklumat.

"Oleh yang demikian adalah penting untuk kita melihat perkembangan tersebut dengan penuh perhatian dan menyesuaikan strategi-strategi yang berpatutan. Adalah juga berfaedah untuk membina hubungan antara bank-bank Islam dan bank-bank konvensional yang ingin beroperasi menurut prinsip Islam," jelas Yang Dimuliakan.

Setentunya persidangan dua hari itu telah dapat menjadi wadah kepada para peserta untuk berinteraksi dan menjalin rangkaian kerja melalui sesi informal yang boleh menjadi pemangkin kepada mereka untuk meneruskan persahabatan dan kerjasama.

Ia juga telah dapat menyediakan ruang kepada para peserta untuk bertukar-tukar pandangan dan idea-idea yang berguna untuk dikembangkan dan dilaksanakan di tahun-tahun mendatang.

PERINTAH PENGANGKATAN KANAK-KANAK DALAM ISLAM 2001

JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan memaklumkan kepada orang ramai bahawa selaras dengan Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, 2001 (Islamic Adoption of Children Order, 2001) dan Perintah Pengangkatan Kanak-Kanak, 2001 (Adoption of Children Order, 2001), tatacara ataupun prosedur untuk mendaftar anak-anak angkat di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah dengan ini diubah.

Orang ramai yang berhasrat mendapatkan kebenaran untuk mengangkat kanak-kanak

sebagai anak angkat hendaklah memohon ke Mahkamah.

Bagi pengangkatan dalam mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut agama Islam, pemohon hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perintah pengangkatan dari Mahkamah Syariah sebelum Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mendaftarkan anak tersebut mengikut Akta Pendaftaran Anak-Anak Angkat (Penggagal 123).

Manakala itu bagi pengangkatan dalam mana semua pihak yang terlibat dalam pe-

ngangkatan tersebut sama ada orang yang mengangkat ataupun anak yang akan diangkat itu bukanlah penganut agama Islam, sebelum Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mendaftarkan pengangkatan tersebut, maka hendaklah terlebih dahulu pemohon mendapatkan perintah pengangkatan ataupun adoption order' dari Mahkamah Tinggi.

Perubahan ini berkuatkuasa mulai 1 Muharam 1422 bersamaan dengan 26 Mac 2001. Sebarang kewahamen mengenai perubahan ini bolehlah dirujuk kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani plak perasmian bangunan baru Jabatan Mufti Kerajaan.



KOLEKSI kitab suci Al-Quran yang bersaiz kecil yang hanya dapat dilihat dengan menggunakan kanta pembesar menarik perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan putera-putera baginda (atas).

SEBAHAGIAN dari peninggalan artifak Melayu Islam lama di Nusantara juga menarik perhatian baginda (kanan). Sementara gambar bawah, baginda berkenan menyaksikan gambar-gambar yang merakamkan sebahagian Pameran Gemilang Islam Di Nusantara mengenai syiar Islam di bawah pimpinan baginda.



Sempena Ekspo Islam Antarabangsa Pe Kebawah DYMM be lancarkan Pameran

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melancarkan Pameran Warisan Islam sempena perasmian Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001 Negara Brunei Darussalam dengan menamakannya sebagai Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Antara isi kandungan di dalam balai pameran tersebut ialah artifak-artifak yang dimansubkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan sahabat-sahabat Baginda serta pameran mushaf, tasbih dan tongkat koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama menyaksikan pameran ekspo tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Oleh Abu Bakar
dan Abdullah A
Gambar-gambar
jurugambar Jabatan F

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Bilal Sultan Pengiran Perdana Wazir, Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Husein, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mawar.

Sempena dengan perasmian balai pameran, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menyaksikan pameran yang dimansubkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seperti tongkat, selipar, tapak tangan, dan sebagainya.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menyaksikan pameran yang bercetak dalam pelbagai bahasa termasuk Thuluth, Parsi dan Jawi yang bertarikh tahun 2000.

Mushaf-mushaf tersebut berasal dari berbagai-bagai negara termasuk Arab Tengah, Afrika Utara, Asia Selatan dan sebagainya yang dihiasi dengan corak Islam yang dilapis dengan kulit dan tapai.

Baginda kemudiannya berkenan melihat koleksi tongkat baginda sendiri yang mengandungi lebih 150 tongkat.

Juga menjadi tumpuan baginda ialah koleksi buah manuskrip Islam dan bahan pameran lain yang berkaitan dengan sejarah Islam. Koleksi manuskrip meliputi pelbagai disiplin seperti perubatan, biografi, ensiklopedia, hadis dan sebagainya.

Sempena dengan keberangkatan ke Indonesia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melancarkan sebuah buku yang mengandungi lebih 150 tongkat koleksi baginda sendiri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan penuh minat memerhatikan koleksi tongkat baginda yang turut dipamerkan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Buku Koleksi : Mushaf, Tasbih dan Tongkat Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang ditulis oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Mufti Kerajaan sejurus melancarkan buku berkenaan (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mencuba Al-Quran Elektronik yang dihasilkan oleh salah sebuah syarikat dari Republik Korea yang menyertai Ekspo Islam Antarabangsa Pertama, sambil menerima penerangan ringkas penggunaannya dari wakil syarikat tersebut (kanan).



Negara Brunei Darussalam

man berangkat

risan Islam

amat
h Wal-
Mulia
Yang
Malik
Abdul

telah
tannya
yang
Alaibi
u yang
ta arti-

telah
bagin-

tulisan
t. Kufi,
hingga

Timur
dengan
tannya

tasbih
tasbih

ara 900
a men-
dir ini
Islam,
al dari

aginda
at, tas-
n buku

Mushaf,
Koleksi
Bolkiah

o buku
mera-
apada

abawah
bagai

ik men-
bagin-

ditulis
dengan
si baru

eh ba-
ersebut
ikmah


laman
dehlah
w-bai-

mem-
untuk

ad mak-
multi-
teri Is-

on yang
ngenal
hat

u Ke-
e Mulia
ad me-
Per-
Fatwa



bangsa yang diadakan di pavilion yang terletak di luar bangunan Pejabat Mufti dan ini telah menarik minat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menyaksikan pelbagai barangan dan produk-produk yang disertai dari 25 buah negara dengan menyediakan lebih kurang 200 petak pameran.

Antara barangan yang dijual termasuklah barang-barang perhiasan rumah, tekstil, perabot, pelbagai perkhidmatan yang berkaitan dengan teknologi maklumat serta perbankan.

Sebelum berangkat meninggalkan ekspo tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali lagi telah berkenan menyaksikan Pameran Gemilang Islam Di Nusantara.

Antara artifak yang menarik termasuklah batu bertulis dengan Surah An-Naas yang dipercayai kepunyaan Sayidina Hassan dan Sayidina Hussain yang hanya boleh dibaca dengan kanta pembesar di samping pelbagai material yang lain seperti pedang, baju perang serta alat-alat perubatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima penerangan ringkas mengenai artifak Islam seperti tongkat dan penyapu Kaabah yang dimansubkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mufti Kerajaan (kiri). Sementara gambar atas, baginda berkenan mengurniakan titah sebelum membuka rasmi bangunan baru Jabatan Mufti Kerajaan yang diberi nama Bangunan Darulifta dan seterusnya merasmikan Ekspo Islam Antarabangsa Pertama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah sebahagian para jemputan yang hadir di Majlis Perasmian Bangunan Baru Mufti Kerajaan dan Ekspo Islam Antarabangsa Pertama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani manuskrip Islam yang dipamerkan oleh peserta-peserta Ekspo Islam Antarabangsa dari Republik Rakyat China (atas). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah tertarik dengan koleksi tongkat yang dipamerkan di ekspo itu.





MENTERI Pendidikan dan Pemangku Sementara Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyampaikan dokumentasi dasar penyusuan susu ibu kepada agensi kesihatan. - Gambar oleh Ramli Tengah.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz melancarkan buku bertajuk 'Akademi Fiqh Islam : Resolusi dan Saranan Mengenai Perbankan Islam (1985 - 2000) dan Soal Jawab Perbankan Islam yang ditulis oleh Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki, Setiausaha Badan Penasihat Syariah IBB.

IBB lancar dua buah buku

JERUDONG, 6 Ogos. - Bank Islam Brunei (IBB) telah melancarkan dua buah buku terbitannya sempena Persidangan Antarabangsa Brunei Mengenai Perbankan dan Kewangan Islam yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di sini.

Buku yang masing-masing bertajuk Akademi Fiqh Islam : Resolusi Dan Saranan Mengenai Perbankan Islam (1985 - 2000) dan Soal Jawab Perbankan Islam dikumpul dan ditulis oleh Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki, Setiausaha Badan Penasihat Syariah IBB.

Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Menteri Pendidikan yang juga selaku Pemangku Menteri Kesehatan.

Buku Akademi Fiqh : Resolusi Dan Saranan Mengenai Perbankan Islam adalah merupakan terjemahan kumpulan resolusi-resolusi dan saranan-saranan (khusus mengenai perbankan dan kewangan) yang telah diambil oleh Akademi Fiqh Islam, salah satu institusi dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Resolusi dan saranan yang dimuatkan

Oleh Sahari Akim

adalah hasil dari persidangan kedua sehingga kedua belas (1985 - 2000) yang teks asalnya ditulis dalam bahasa Arab dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Sementara itu buku bertajuk Soal Jawab Perbankan Islam pula adalah merupakan kumpulan masalah-masalah hukum-hukum muamalat perbankan Islam yang disusun hasil dari muzakarah antara pegawai-pegawai dan kakitangan IBB selain dari pengalaman mereka sendiri.

Ia juga dihasilkan dari Seminar Kefahaman Islam Bagi Masyarakat Tionghua Daerah Belait dan Bandar Seri Begawan tahun 1999/2000 yang dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama di samping melalui pengalaman penulis sendiri.

Kedua-dua buah buku tersebut diharapkan akan dapat menjadi bahan bacaan serta rujukan yang berguna kepada mana-mana pihak yang berminat untuk mendalami hukum-hukum operasi perbankan Islam dan sistem kewangan Islam.

12.4 peratus saja amal susu ibu

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 8 Ogos. - Menteri Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, anak-anak yang diberikan penyusuan ibu telah terbukti mempunyai mental ingatan yang luar biasa dan kepintaran kecekapan otak serta kebolehan bekerja dalam masa tertekan.

Selain itu, tambahnya, kanak-kanak tersebut juga mempunyai kualiti yang taat kepada ibu bapa mereka dengan berkelakuan yang baik dan mempunyai sifat-sifat kasih sayang yang sejati.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu di Majlis Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Walau bagaimanapun kata Yang Berhormat adalah sungguh mendukacitakan pengamalan penyusuan susu ibu di Negara Brunei Darussalam hanya dianggarkan 12.4 peratus saja berbanding dahulunya menjadi juntrah dilakukan.

Yang Berhormat dalam ucapannya juga menyentuh penggunaan susu dalam tin, di mana pemakaian susu dalam tin terus berkembang luas dan menjadi popular, tetapi akhirnya kita semua mengalami penyesalan kerana produk bukan datang dari penyusuan sebenar telah mendatangkan pelbagai jenis 'characters' di kalangan anak-anak terutama sekali dari 'mental capacity'.

"Menurut penyata dari Pertubuhan Kesehatan Sedunia (WHO), adalah dianggarkan 1.5 juta kanak-kanak telah meninggal dunia akibat pemakanan yang tidak sempurna atau tidak betul," terangnya.

Dalam hubungan itu ujar Yang Berhormat, kita mula sedar, dunia juga sedar sehingga WHO telah mengambil langkah untuk berbalik ke pangkal iaitu yang disebut dalam kitab Al-Quran, supaya penyusuan susu ibu hendaklah digalakkan, sepupus-pupus selama dua tahun dan walaupun WHO hanya memerlukan enam bulan sahaja.

Di majlis itu diikuti dengan penyampaian dokumentasi dasar penyusuan susu ibu dan pita video pendidikan 'Ke arah penyusuan susu ibu yang berjaya', kepada agensi-agensi kesihatan.

Yang Berhormat juga menyampaikan hadiah kepada



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyampaikan hadiah kepada wakil Pusat Kesehatan Lambak Kanan yang mendapat tempat pertama dalam Peraduan Risalah-risalah Penyusuan Susu Ibu bagi klinik-klinik dan pusat kesihatan kerajaan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

pemenang Peraduan Risalah-risalah Penyusuan Susu Ibu bagi klinik-klinik, pusat kesihatan kerajaan. Dalam peraduan ini Kumpulan Kerangka dari Pusat Kesehatan Lambak Kanan tempat pertama.

Sementara dalam Peraduan Mencipta Slogan sempena Minggu Penyusuan Susu Ibu bagi para bapa, tempat pertama dimenangi oleh Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu; kedua, Awang Hamidon bin Abdul Hamid dan Mat Saat bin Haji Metali, ketiga.

Menurut buku program sempena sambutan berke-naan, kepentingan alat komunikasi di zaman ini telah menjadi fokus utama Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia Tahun 2001 dengan tema tahun ini ialah 'Penyusuan Susu Ibu Di Era Informasi'.

Objektif sambutan ialah mempromosikan amalan penyusuan susu ibu, meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai penyusuan susu ibu, meningkatkan kadar penyusuan secara eksklusif di negara ini, dan mengetengahkan pelbagai cara dan alat komunikasi yang berkesan bagi melindungi, mempromosikan dan mendorong amalan penyusuan.



DR. Dayang Hajah Sainah, Pensyarah Kanan UBD ketika menyampaikan ceramahnya kepada pegawai-pegawai pentadbir. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

IPA terus berusaha tingkatkan kredibiliti pegawai

Oleh Abdullah Asgar

RIMBA, 4 Ogos. - Institut Perkhidmatan Awam (IPA) terus berusaha meningkatkan kredibiliti setiap pegawai-pegawai dan kakitangan di perkhidmatan awam dengan memberikan ceramah dan taklimat terdidi dari pelbagai aspek.

Satu taklimat 'Administrative System of Brunei Darussalam : Management Accountability and Reform' telah diadakan di IPA di sini di mana

ia telah disampaikan oleh Dr. Dayang Hajah Sainah binti Haji Saim, Pensyarah Kanan Bahagian Perancangan dan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Tujuan utama taklimat ini diadakan ialah bagi meningkatkan lagi mutu

dan prestasi kerja dalam tugas seharian. Ia juga salah satu peluang bagi pegawai pentadbir untuk sama-sama bertukar-tukar fikiran dan untuk memajukan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat sehari itu di hadiri antara lain oleh pegawai-pegawai pentadbir dalam bahagian kumpulan II ke bawah dan semua Kementerian dan jabatan kerajaan.

Lima ribu topi disumbangkan oleh Takaful IBB Berhad

Oleh Samle HJ

GADONG, 3 Ogos. - Takaful Bank Islam Brunei (IBB) Berhad menyumbang lima ribu biji topi yang bernilai \$17 ribu ringgit bagi kegunaan para peserta Perkhidmatan Belia Antarabangsa Tahun Melawat Brunei (TMB 2001).

Majlis penyerahannya telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah Takaful IBB Berhad, Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Metus-

sin kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kesehatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad yang selaku Naib Pengerusi Bersama Perkhidmatan Belia Antarabangsa TMB 2001, di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap.

Sementara itu, Naib Pengerusi bersama itu juga menerima peralatan radio dan tiga buah bas dari Syarikat Goh Hock Kee Motors bagi kegunaan pengangkutan para peserta perkhidmatan.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga menyumbang wang sejumlah \$10,000.00 bagi Tahun Melawat Brunei 2001.

SERIA, 9 Ogos. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Perkhemahan Belia Antarabangsa Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001 membuktikan sejelas-jelasnya tentang sikap pemuduliaan baginda terhadap hal-ehwai belia yang perlu ditangani dengan sempurna dan bijaksana melalui program-program yang menjurus kepada pembentukan jati diri belia yang beriman, berilmu, berdisiplin dan produktif.

Yang Berhormat berucap dalam sembah alu-aluan di Majlis Pembukaan Rasmi Perkhemahan Belia Antarabangsa Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001 yang diadakan di Taman Rekreasi Jubli Perak Anduki di sini.

Yang Berhormat selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Perkhemahan tersebut dan juga Ketua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam seterusnya melahirkan rasa kagum atas usaha bersepadu badan-badan belia yang menyertai perkhemahan berkenaan dalam sama-sama berungkuayah untuk mengharumkan nama negara di samping berinteraksi sesama sendiri bagi menambahkan pengalaman yang sangat berguna dalam kehidupan mereka masa hadapan.


Yang Berhormat seterusnya berkata seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini khususnya mereka yang secara langsung menanganai pembangunan kesejahteraan dan kebajikan belia, baik di sektor awam mahupun di sektor swasta akan sentiasa menjunjung serta menaani sari pati titah perasmian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di perkhemahan berkenaan.

Lebih-lebih lagi baginda bertitik yang menjurus kepada isu-isu sosial yang melibatkan belia remaja dan perkara tersebut di bawah bidang usaha sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh pelbagai agensi dalam kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan amat peka tetapi luas jaringan masalah isu-isu sosial yang melibatkan belia remaja, kata Yang Berhormat.

"Masalah-masalah itu pada dasarnya bermula dari anak-anak yang kurang kawalan serta perhatian ibu bapa," kata Yang Berhormat.

Bagaimanapun tambah Yang Berhormat dengan usaha bersepadu, iltizam yang kuat ditambah dengan niat ikhlas, semua agensi yang terlibat, insya Allah masalah berkenaan dapat dikurangkan ke tahap minima.

Menyentuh mengenai tema perkhemahan tersebut 'Memupuk Perpaduan Belia' yang disokong



Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 17 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri bersabda, Negara Brunei Darussalam akan terus menawarkan segala sokongan kepada Kerajaan Indonesia yang baru yang sedang mengimplementasikan program-program ekonomi dan reformasi sosialnya.

"Brunei Darussalam melihat Indonesia telah memainkan peranannya yang utama di dalam usaha rantau ini bagi mengekalkan pemulihan ekonomi, dan Brunei Darussalam sendiri berkeyakinan suara Indonesia sangat penting di dalam perbincangan antarabangsa bagi masa depan semua negara-negara membangun," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majelis Resepsi Menandakan Ke-56 Tahun Hari Ulang Tahun Proklamasi Kemerdekaan Republik Indonesia di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.


Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di ICC dijunjung oleh Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Rahardjo Djojonegoro dan Ibu Nurkamaria.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, Negara Brunei Darussalam sangat menghargai akan persahabatan dan kerjasama yang kedua-dua negara telah jalinan sebagai jiran yang dekat dan rakan serantau dan antarabangsa.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, Negara Brunei Darussalam sangat menantikan dengan penuh kegembiraan akan lawatan Presiden Republik Indonesia, yang mana ia satu peluang yang cemerlang kepada arah mengukuhkan persahabatan kedua-dua negara.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, Negara Brunei Darussalam akan melihat tentang bagaimana kedua-dua negara akan terus bekerjasama dengan berjaya di masa depan sama seperti yang dilakukan ketika Negara Brunei Darussalam mengambil tanggungjawab penuh hal ehwal luarnya.

Sementara itu, dalam



orang perseorangan, ibu bapa dan sahabat handai penuh yakin kepada belia-belia dengan membuat pelaburan terhadap mereka yang menjadi aset negara yang penting kerana mereka bakal memimpin hari esok.

penuh oleh Kerajaan
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia kata Yang Ber-
hormat akan terlaksana
dengan sempurna seperti
yang dihasratkan dan akan
dijadikan sukat-sukat da-
lam mengukayahkan
program-program belia
serantau dan antarabangsa
pada masa hadapan.

Yang Berhormat menambah selain rancangan tersebut, beberapa rancangan juga diadakan bagi memberikan latihan kepada belia-belia di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa di dalam dan di luar negeri.

"Rancangan-rancangan ini adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran belia-belia bagi membantu negara menuju kecemerlangan dan kesejahteraan," kata Yang Berhormat.

Sementara itu Timbalan Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Perkhemahan dan juga Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam berkata, agensi agensi kerajaan, syarikat syarikat swasta, orang

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik ingin memaklumkan kepada orang ramai disebabkan terdapat kesilapan yang berpunca daripada gangguan sistem jabatan, sebilangan pembayaran yang dibuat di Ibu Pejabat, Lapangan Terbang Lama, Berakas semasa bulan Julai 2001 tidak dikesminkan.

Dari itu, jabatan berkenaan memohon kepada semua pelanggan yang telah membuat pembayaran di kaunter Ibu Pejabat, Lapangan Terbang Lama, Berakas dan pembayaran yang telah dibuat di bulan berkenaan masih belum tercatat di dalam tuntutan bulan Ogos 2001 supaya akan dapat datang ke Ibu Pejabat bagi pengemaskinian dengan membawa resit pembayaran asal untuk pengesahan.

Jabatan berkenaan dalam maklumannya memohon maaf di atas segala ketidakelesaan disebabkan oleh perkara tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli jawatankuasa tertinggi perayaan (kiri).

Liputan
Abdullah Asgar dan
Samle HJ.
Gambar-gambar
oleh Haji Haranadi
HB, Pengiran Rafee
PDPH dan
Masri Osman.



MALAM GEMILANG 55 TANDA KASIH SAYANG KEPADA KEBAWAH DYMM

BERAKAS, 14 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat ke Majlis Malam Gemilang 55 sempena Hari Keputeraan baginda ke-55 tahun di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Keberangkatan tiba baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan dan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi perayaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri kemudiannya berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli jawatankuasa tertinggi perayaan.

Baginda seterusnya berkenan memotong kek dan menerima pesambah yang disembahkan oleh ahli-ahli jawatankuasa tertinggi perayaan.

Pesambah berkenaan merupakan replika singgahsana yang diperbuat daripada kristal tulen yang dihasilkan oleh Langkawi Kristal Sendirian Berhad.

Setelah itu, persembahan nyanyian dan tarian yang disembahkan oleh artis-artis tempatan dan luar negara bagi meraikan Malam Gemilang 55 yang julung kalinya juga diadakan.

Sebelum berangkat pulang, baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menyaksikan pertunjukan bunga api yang disembahkan oleh masyarakat Tionghua Daerah Brunei dan Muara yang diadakan di luar bangunan ICC selama hampir 20 minit.

Majlis Malam Gemilang 55 adalah merupakan sebagai tanda kasih sayang, kesetiaan dan penghormatan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang penuh bijaksana, dinamik dan progresif.

Malam Gemilang 55 itu adalah berkonsepkan majlis persantapan yang diselitkan dengan persembahan-persembahan kebudayaan dan kesenian tradisi, kontemporari dan pop tradisi.

Persembahan ini adalah julung-julung kalinya diadakan bersempena sambutan Hari Keputeraan yang juga merupakan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dan sebagai pernyataan cetusan kasih dan penghormatan yang disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Malam Gemilang 55 juga dengan rendah hati menyebarkan acara majlis yang gemilang bercirikan sentuhan diraja.

Majlis itu juga menyusun tatacara dan corak majlis serta persembahan oleh karyawan, seniman dan seniwati Negara Brunei Darussalam yang diharapkan bakal menjadi ristaan sepanjang zaman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri ketika berkenan berangkat ke Majlis Malam Gemilang 55 sempena Hari Keputeraan baginda ke-55 tahun yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan memotong kek Hari Keputeraan baginda yang disembahkan oleh ahli-ahli jawatankuasa tertinggi perayaan (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan berbual mesra dan menerima junjung ziarah ribuan para tetamu yang sama-sama hadir di majlis itu. Manakala gambar bawah, berangkat sama di majlis itu ialah DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menyaksikan pertunjukan bunga api yang disembahkan oleh masyarakat Tionghua Daerah Brunei dan Muara yang diadakan di luar bangunan Pusat Persidangan Antarabangsa.

MAJLIS MERAIKAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Majlis Meraikan Hari Keputeraan baginda yang ke-55 tahun, yang disembahkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei. Majlis berlangsung di Dewan Assarra. Gambar atas dan kiri kelihatan baginda berkenan menerima junjung zilah dan berbual mesra bersama para anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia selaku Inspektor Jeneral di dalam Pasukan Polis Diraja Brunei berkenan menerima pesembah yang berbentuk sebatang tongkat yang disembahkan ke hadapan majlis baginda oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman.

Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO
dan Haji Masmaleh HMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan bergambar kenangan di majlis itu bersama Pemangku Pesuruhjaya Polis dan isteri. Sementara gambar bawah, berangkat sama di majlis itu ialah putera-putera baginda iaitu DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama para pegawai dan ahli-ahli pangkat rendah Pasukan Polis Diraja Brunei.

ARENA SUKAN

Menjelang Sukan SEA Ke XXI

Skuad badminton dituntut bermain cemerlang

PENDEDAHAN skuad badminton negara di Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia, Republik Indonesia dan Kejohanan Akhir Badminton Dunia Grand Prix Brunei 2000 baru-baru ini merupakan satu usaha ke arah menyuntik semangat barisan pemain beraksi cemerlang di temasya Sukan SEA Ke XXI di Kuala Lumpur September depan.

Jurulatih kebangsaan, Imay Hendra ketika ditemui semasa sesi latihan bersama pemain-pemain skuad badminton Sukan SEA menyatakan, melalui penyertaan kejohanan-kejohanan itu para pemain banyak mendapat pendedahan dan pengalaman selain memperbaiki teknik dan corak permainan.

"Selepas penyertaan Kejohanan Terbuka Malaysia, Republik Indonesia dan Kejohanan Badminton Dunia Grand Prix Brunei 2000 lalu terdapat banyak peningkatan seperti hantaran bola, smash, kecekapan dan teknik," terangnya.

Tambahnya, para pemain juga telah didedahkan beberapa kaedah terbaru melalui latihan dan perlawanan bersama dengan beberapa orang pemain jempolan Republik Indonesia.

"Dengan adanya latihan sambil berlawan ini kita dapat menilai kemampuan setiap pemain dan

hasilnya sekarang mereka dapat mengikuti corak terbaru dan manfaatkannya dengan berkesan," katanya.

Menyentuh mengenai peluang di Sukan SEA Kuala Lumpur pula beliau berharap skuad bimbinganannya itu akan dapat mengatasi negara Vietnam, Republik Filipina, Kemboja, dan Myanmar sementara peluang dengan Thailand dan Republik Singapura adalah seimbang.

Mengikut perkembang-

an sekarang katanya, Thailand lebih baik daripada Republik Singapura dan jika Brunei dapat mengatasi Republik Singapura, Vietnam, Republik Filipina, Kemboja dan Myanmar bermakna peluang layak ke separuh akhir adalah cerah.

"Bagaimanapun semua ini tergantung kepada undian nanti dan dalam masa yang sama juga kita mengharapkan para pemain bermain sebaik mungkin untuk mencatatkan kejayaan," jelasnya.



JURULATIH badminton, Imay Hendra... Terdapat banyak peningkatan terhadap corak permainan skuad Sukan SEA sekarang sejak penyertaan di Kejohanan Terbuka Malaysia, Terbuka Indonesia dan baru-baru ini Kejohanan Dunia Grand Prix Brunei 2000. - Gambar oleh Halim HS.



SEBAHAGIAN dari pemain-pemain badminton negara menjalani latihan terakhir di Dewan Kompleks Sukan Mengliit bagi mempersiapkan diri masing-masing menjelang penyertaan Sukan SEA Ke XXI. - Gambar oleh Halim HS.

Equestrian Sukan SEA Ke XXI:

DUA PESERTA MEMBAWA CABARAN ACARA 'ENDURANCE'

Oleh
Haji Ahat HI

melebihi 64 denyutan seminit, kuda tidak terhidrat, tidak sakit, tidak pengsan, tidak calar atau luka-luka pada badan.

Acara 'endurance' 105 kilometer ini menurutnya dibahagikan kepada empat bahagian iaitu di bahagian pertama sejauh 40 kilometer perjalanan, kuda akan berehat setengah jam dan menjalani pemeriksaan doktor bagi memastikan kesihatannya sama ada sihat atau tidak bagi meneruskan perjalanan ke bahagian dua sejauh 30 kilometer.

Selepas itu, perjalanan 20 kilometer di bahagian ketiga manakala di bahagian keempat sejauh 15 kilometer di mana, ke semua bahagian-bahagian itu akan diperiksa oleh panel doktor hingga ke tempat penamat.

Penentuan kemenangan ini katanya, akan ditentukan oleh kumpulan panel doktor yang melakukan pemeriksaan terakhir ke atas kuda sebelum mengumumkan kemenangan.

Bagaimanapun tamahnya, pungutan mata kemenangan seseorang peserta banyak bergantung kepada prestasi penunggang dan kudanya namun tumpuan sebenar adalah kepada kuda yang ditunggang.

BUAT pertama kali dalam temasya Sukan SEA Ke XXI di Kuala Lumpur September depan, Negara Brunei Darussalam mempertaruhkan dua dari tiga peserta untuk membawa cabaran negara menyertai Equestrian (sukan berkuda) bagi acara 'endurance'.

Ketiga-tiga peserta iaitu Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Haji Bakar, Kapten (U) Iswandi Haji Junaidi dan Rosmiah Haji Piee dipilih dari sembilan orang peserta tahun lalu. Ketiga-tiga mereka mempunyai pengalaman luas dan telah didedahkan di beberapa kejohanan di Sabah dan Kuala Lumpur.

Menurut Pengurus Pasukan, Dr. P. Siva Nathan, peserta negara ini telah mencatatkan beberapa kejayaan semasa penyertaan di Sabah, Kuala Lumpur dan dengan pencapaian itu peluang adalah cerah untuk mencapai kejayaan di Sukan SEA nanti.

Beliau menjelaskan, pencapaian terkini yang telah mereka capai ialah di kejohanan bagi ujian Sukan SEA yang memperolehi pencapaian cemerlang menduduki tempat pertama, kedua, ketiga dan keempat.

Katanya, jika mereka dapat mengekalkan atau meningkatkan lagi prestasi itu dalam masa beberapa minggu latihan ini, pe-



"DALAM perjalanan sejauh 105 kilometer ini pelbagai masalah akan dihadapi dan peserta perlu menjaga kesihatan kuda selain memberikan waktu rehat yang secukupnya untuk kuda menikmati perjalanan," jelas Pengurus Pasukan Skud Equestrian, Dr. Siva Nathan.

luang untuk mengatasi empat negara peserta iaitu Republik Singapura, Myanmar, Republik Indonesia dan tuan rumah Malaysia adalah cerah.

Menyentuh mengenai acara 'endurance' yang pertama kali dipertandingkan dalam Sukan SEA ini Dr. P. Siva menyatakan bahawa penunggang bersama kuda akan menunggang kuda sejauh 105 kilometer dalam masa 12 jam dengan mengharungi pelbagai masalah-masalah dalam perjalanan.

Sepanjang perjalanan 105 kilometer itu katanya, peserta perlu menjaga kuda dengan memastikan keselamatan kuda seperti, kuda tidak tempang, denyutan nadi tidak



PESERTA perlu memastikan perkara-perkara tertentu termasuk kesihatan kuda yang akan ditunggang sebelum memulakan perjalanan jauh. - Gambar oleh Hamadi HM.



GIGIH... Tiga peserta negara yang akan membawa cabaran negara acara 'endurance' (sukan berkuda) di Sukan SEA Kuala Lumpur menjalani latihan di Padang Kelab Polo Jerudong. - Gambar oleh Hamadi HM.

ARENA SUKAN

KASUKA MENJUARAI PIALA PEPSI

DUA jaringan yang muncul di separuh masa kedua telah menobatkan Kelab Bola Sepak KASUKA muncul menjuarai Kejohanan Bola Sepak Piala PEPSI setelah mengatasi Kelab Bola Sepak DPMM 3-1 dalam perlawanan akhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas pada 14 Ogos lepas.

Jaringan tersebut yang masing-masing dilakukan oleh pemain adik-beradik Ak Mohd Shahrin dan Ak Mohd Shahril selepas kedua-dua pasukan terikat 1-1 di separuh masa pertama, memberikan kemenangan mutlak untuk menyimpan piala tersebut yang disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga selaku Presiden BAFSA.

Pada awal permainan separuh masa pertama bermula DPMM memulakan permainan amat bergaya dengan mendahului KASUKA pada awal permainan dengan 1-0 melalui jaringan Md Helme Panjang yang menerima hantaran lintang dari kiri dan merembat masuk menewaskan penjaga gol, Muhd Ali Haji Othman.

Namun kecerian penyokong-penyokong DPMM hanyalah seketika saja apabila KASUKA menyamakan kedudukan 1-1 sebaik saja pengadil perlawanan Md Adli Abdullah memberikan sepakan penalti selepas penyerang Afindi Yati Tuah dijatuhkan dalam kotak penalti oleh pertahanan DPMM.

Kesempatan tersebut dimanfaatkan dengan berkesan oleh Ak Mohd Shahrin, yang melakukan sepakan masuk mengatasi bekas penjaga gol kebangsaan, Ibrahim Abu Bakar yang menyuarungi jersi DPMM.

Oleh
Haji Ahat HI

Selepas itu kedua-dua pasukan bermain lebih berhati-hati dengan melakukan berbalas-balas serangan bagaimanapun, mereka gagal menambahkan sebarang jaringan hingga permainan separuh masa pertama ditamatkan.

Di separuh masa kedua KASUKA bermain lebih yakin dan teratur sehingga menguasai sebahagian besar keseluruhan permainan sementara DPMM melakukan serangan sekali-sekala dari bahagian tepi kiri dan tengah.

Dengan memanfaatkan penguasaan permainan itu KASUKA menambahkan jaringan kedua apabila hantaran dari kanan Ak Mohd Shahrom tepat ke arah Ak Mohd Shahrin dan merembatnya masuk mengatasi 2-1 manakala jaringan ketiga pula menjelma daripada gerakan dari kanan Hassan Fadly dan menolak ke arah Ak Mohd Shahril yang merembat masuk bagi jaringan ketiga.

Tempat ketiga kejohanan ini diraih oleh Kelab Bola Sepak Jerudong selepas menewaskan Kota Rangers dan Ak Mohd Shahrin bin Pg Haji Ismail muncul sebagai pemain terbaik perlawanan-akhir.



MENTERI Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Hussain menyampaikan Piala Pepsi kepada Ketua Pasukan KASUKA yang menjuarai kejohanan itu selepas menumpaskan Kelab Bola Sepak DPMM 3-1 dalam perlawanan akhir. - Gambar oleh Masri Osman.

Liga Perdana Malaysia Musim 2002

Skuad negara kekal bahagian 2

Oleh
Haji Ahat HI

Meskipun bermain amat cemerlang di depan penyokong sendiri dan menguasai sepenuhnya permainan, barisan negara terus gagal menembusi pintu gol pelawat yang dikawal oleh Zuraini Hussain.

Percubaan-percubaan dari Ak Mohd Shahrom, Riwardi, Ak Sallehuddin dan Irwan tidak dapat mereka sudahi sementara Johor F.C. juga memer-

lukan kemenangan untuk mengelak daripada dipintas oleh Sabah.

Begitupun, peluang tuan rumah untuk mengatasi Johor F.C. hampir menjelma apabila sepakan bebas Ak Sallehuddin terkena palang dan melantun keluar. Tidak lama selepas tiga percubaan terbuka depan pintu gol Johor F.C. juga gagal dimanfaatkan para pemain tuan rumah selepas penjaga gol Johor F.C. tertewas.

Dalam keadaan terdesak itu, pasukan pelawat kemudian berjaya man-

faatkan kesempatan melalui jaringan Hairi Azly Mahamat yang menolak bola dari celah benteng pertahanan tuan rumah dan gagal diselamatkan oleh Penjaga gol, Wardun Yusof.

Nyata sekali keadaan belum mengizinkan buat skuad kendalian Michael Jones ini beraksi ke bahagian satu meskipun satu ketika mempunyai peluang yang cerah untuk mara namun, dua kekalahan daripada perlawanan terakhir lalu meranapkan terus impian tersebut.



YANG Dipertua BCF, Haji Zainal Abidin Ali menyampaikan banner Kejohanan Catur Terbuka ASEAN Antarabangsa yang akan diselenggarakan oleh Thailand tahun depan. - Gambar oleh Haji Masmaiah HMA.

GM Ian Rogers juarai Catur Terbuka ASEAN Antarabangsa

Oleh
Haji Ahat HI

GRAND Master Ian Rogers dari Australia muncul sebagai juara Kejohanan Catur Pertama Terbuka ASEAN Antarabangsa yang berakhir 4 Ogos lepas, dengan mencatatkan keseluruhan 7.5 mata, dan merangkul hadiah wang US\$3,000.00

Tempat kedua dan ketiga disandang oleh International Master dari Indonesia, Denny Juswanto dan Grand Master dari Filipina, Antonio Rogelio dengan masing-masing mencatatkan keseluruhan 7 mata dan berkongsi hadiah US\$1,500.00 seorang.

International Master dari Hungary, Oleg Borisov bersama dengan peserta Viet Nam, Nguyen Thanh Son dan Emmanuel Senador menduduki tempat keempat hingga keenam dengan masing-masing mencatatkan keseluruhan 6.5 mata dan berkongsi hadiah US\$733.00 seorang.

Tempat ketujuh hingga keempat belas diduduki oleh Grand Master dari Viet Nam, Nguyen Anh Dung, Fide Master dari Indonesia, Susanto Megaranto; International Master dari Indonesia, Salor Sitanggang; International Master dari Filipina, Nelson Mariano; International Master

dari Indonesia, Nasib Ginting; Fide Master dari Myanmar, Aung Thant Zin; Grand Master dari Filipina, Villamayor Buenaveture dan Jaguh Malaysia, Jonathan Chuah Jin Hai.

Pertama terbaik bagi pemain ASEAN ialah International Master dari Indonesia, Irwanto Sadikin kedua International Master dari Myanmar, Nay Oo Kyaw Tun dan ketiga juga International Master dari Myanmar, Myo Naing.

Pemain terbaik Brunei pula ialah Ak Hirawan Mohd Omar, Ak Hira Mohd Omar, Pg Abu Bakar Haji Ibrahim, Mohd Jaafar Haji Timbang dan Zaidi Haji Dollah manakala pemain remaja terbaik bawah 18 tahun dimenangi oleh Siti Zulaikha Foudzi.

Kejohanan di Hotel Orchid Garden yang juga disempenakan bagi Tahun Melawat Brunei 2001 itu disertai oleh 82 pemain termasuk 5 pemain Grand Master dan 9 International Master. Tahun depan Thailand dijangka akan mengambil giliran sebagai negara pengeloa.



NAH KAD KUNING... Pemain Johor F.C. jersi 18 dilayangkan kad kuning selepas mengkasari pemain tuan rumah yang terjatuh di padang ketika pertemuan antara Brunei Darussalam dengan Johor F.C. yang berkesudahan pelawat menang 1-0. - Gambar oleh Hamadi HM.

Brunei - Thailand perlu teroka kerjasama baru

JERUDONG, 16 Ogos. -

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah Negara Brunei Darussalam dan Thailand seharusnya melihat ke arah cara baru bagi meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua negara yang meliputi banyak bidang umpamanya perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pertahanan dan perhubungan.

Oleh yang demikian titah baginda, Suruhanjaya Bersama menawarkan kedua-dua negara peluang bagi membina pada perhubungan yang wujud dan meneroka bidang-bidang kerjasama yang baru.

Baginda bertitah demikian di Majlis Santap Rasmi sempena lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra ke negara ini di Istana Nurul Izzah di sini.

Baginda melahirkan kegembiraan kerana pegawai-pegawai dari kedua-dua buah negara telah sedang menyiapkan keterangan mengenai Suruhanjaya Bersama yang akan datang yang akan diadakan lewat tahun ini, di mana Negara Brunei Darussalam berharap kejayaan akan dicapai di me-

Oleh
Abdullah Asgar

syuarat itu nanti bersama Thailand.

"Negara Brunei Darussalam dan Thailand harus juga bekerja rapat di dalam ASEAN, dan forum-forum pelbagai hala yang lain yang mana kedua-dua negara menjadi ahli, bagi mempromosikan perpaduan serantau dan kerjasama," titah baginda.

Ini titah baginda adalah sangat khusus bilamana ekonomi global sedang menurun perlahan, dan ASEAN sendiri belum pulih sepenuhnya dari krisis kewangan serantau.

Justeru itu, tambah baginda, perpaduan ASEAN semakin sangat penting kepada semua.

Baginda bertitah dan mengharapkan Perdana Menteri Thailand akan memainkan peranan aktifnya di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-4, di Bandar Seri Begawan November nanti.

Baginda yakin dengan pengalaman yang luas dalam dua hal sektor swasta dan kerajaan, Perdana Menteri Thailand akan mempunyai idea-idea yang membina dan cadangan-cadangan yang penting untuk di ketengahkan untuk dibincangkan di sidang itu nanti.

Sebelum Majlis Santap Rasmi baginda telah berkenan menerima mengadap TYT di ruang lain Istana Nurul Izzah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap para penerima Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi tahun 2000 (atas). Sementara gambar bawah baginda berkenan menerima mengadap seorang Mufti dari negara sahabat yang berada di negara ini bagi menghadiri Majlis Pembukaan Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001. (Cerita selanjutnya dimuka 3).




Sementara itu dalam ucapan balas oleh TYT antara lain berkata negaranya percaya dalam menangani cabaran-cabaran dan kerumitan yang dibawa oleh dunia globalisasi, negara-negara Asia haruslah bekerjasama ke arah memperbaiki serta meningkatkan keupayaan dan menyatukan diri dalam proses globalisasi.

Thailand dan Negara Brunei Darussalam tambah TYT, perlu meningkatkan lagi usaha kerjasama dua hala agar kedua-dua buah negara lebih bersedia menghadapi pelbagai cabaran yang ditimbulkan oleh globalisasi.

TYT juga melahirkan rasa gembira dan memaklumi yang beberapa mekanisme dua hala kini dilaksanakan bagi mencapai hasrat tersebut.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan kerabat diraja yang lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan perundingan bersama Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah DYMM, PM Thailand bincang usaha tingkat k'sama

Oleh Haji Ahat Hi

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengadakan perundingan empat mata bersama dengan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra, di Istana Nurul Iman.

Dalam majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengalu-alukan Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam dan mengadakan perbincangan mengenai isu-isu dua hala terutama, usaha-usaha untuk meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Selain daripada itu, baginda dan Tuan Yang Terutama juga telah membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa.

Terdahulu sebelum itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima

mengadap Tuan Yang Terutama dan rombongan yang berada di negara ini bagi lawatan rasmi dua hari.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna serta kerabat-kerabat diraja.

Tuan Yang Terutama, Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra merupakan Perdana Menteri Thailand yang ke 54 dan dilantik menjadi Perdana Menteri pada 9 Februari, 2001 bagi menggantikan Tuan Yang Terutama Tuan Chuan Leekpai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Penerangan Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Mohd. Khali Yaakub dan rombongan. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. (Cerita selanjutnya di muka 3)



**BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN
PERINGKAT KEDUA 22 - 31 OGOS, 2001**
**"BERSAMA MENILAI
KESEJAHTERAAN PENDUDUK"**

دریبتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

SERIA, 11 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda, penyatuan tenaga bukan saja perlu bagi menjayakan Perkhemahan Belia Antarabangsa malahan juga untuk menangani masalah-masalah kaum belia itu sendiri.

Kerana belia-belia itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia masih ramai lagi yang bermasalah dan setengahnya sangat membebankan kepada masyarakat dan negara masing-masing.

Oleh itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, semua pendekatan mengenai belia hendaklah dengan tujuan untuk mendapatkan seberapa banyak kebajikan, di samping mereka pula tidak mengabaikan langkah memuhasabah diri sendiri untuk kebaikan yang berkekalan.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian di Majlis Penutup Rasmi Perkhemahan Belia Antarabangsa

JANGAN ABAIKAN LANGKAH MEMUHASABAH DIRI SENDIRI

Oleh Dk. Hj. Saidah PHOA

Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001 yang diadakan di Taman Rekreasi Jubli Perak Anduki di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Perkhemahan Belia Antarabangsa dan juga Ketua Pengakap Negara Brunei Darussalam dan Timbalan Men-

teri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Perkhemahan dan juga Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Duli Yang Teramat Mulia yakin, peserta-peserta Perkhemahan Belia Antarabangsa telah dapat menyesuaikan diri mereka serta berkenal mesra melalui tugas dan aktiviti yang disediakan.

"Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam perkhemahan ini cukup mencabar di samping menyeronokkan," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia berharap pengalaman yang mereka perolehi akan menjadi tangga dan sumber ilham kepada kerjasa belia sedunia untuk terus memperkukuh dan menjalinnya dengan lebih sempurna lagi.

Duli Yang Teramat Mulia juga penuh yakin apa yang dihasratkan dengan tema perkhemahan 'Memupuk Perpaduan

Belia' telah mencapai matlamatnya dan ianya akan menjadi moto berkekalan untuk terus menjana perpaduan di kalangan belia dan akan menjadi sumber daya kreatif yang cukup tinggi di abad ke-21 ini.

Kepada belia-belia luar negeri, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, berharap mereka telah mengenali Negara Brunei Darussalam dengan secara langsung dan lebih dekat lagi.

"Mudah-mudahanlah pengalaman mereka di sini ini akan menjadi sebutan baik lagi indah apabila mereka balik ke tanah air mereka masing-masing," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Syarie, Pengiran Haji Noor Asmawi dan diikuti sembah alu-aluan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri yang antara lain berkata, tanpa sokongan, bantuan dan kerjasama yang erat dari agensi-agensi kerajaan, pihaK-pihak swasta dan para dermawan perkhemahan berkenaan tidak akan berjaya malah akan menghadapi jalan buntu.

Menurut Yang Dimuliakan, sepanjang perkhemahan selama seminggu itu, pelbagai acara, kegiatan dan tunjuk ajar yang terbaik telah menguji keta-

hanan fizikal, mental dan setiakawan bagi perpaduan belia dengan bimbingan pemimpin-pemimpin dewasa yang terlatih.

Kata Yang Dimuliakan, bagi mendapatkan pingat Anugerah Darussalam memerlukan kerja berpasukan, minda yang cergas, keutuhan fizikal membimbing untuk hidup bermasyarakat, setiakawan, bekerjasama demi untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.

Di majlis itu Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan cenderamata dan sijil kepada ketua-ketua kontinjen luar negeri dan tempatan yang menyertai perkhemahan berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima pesambah kenang-kenangan Perkhemahan Belia Antarabangsa TMB 2001 dan disusuli selepas itu bacaan doa selamat oleh Hakim Mahkamah Syarie.

Majlis diserikan dengan persembahan padang oleh peserta-peserta perkhemahan. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku pelawat dan menerima junjung ziarah dari ahli-ahli jawatankuasa penganjur perkhemahan dan peserta-peserta perkhemahan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan sijil dan cenderamata kepada ketua pasukan tempatan yang menyertai Perkhemahan Belia Antarabangsa, TMB 2001.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah ribuan para peserta Perkhemahan Belia Antarabangsa Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001 sejurus menutup rasmi perkhemahan itu. Majlis berlangsung di Taman Rekreasi Jubli Perak Anduki, Seria.

Bahasa & Budaya

Kesusasteraan tanah air perlu diperjelas

BERAKAS, 6 Ogos. - Usaha Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menggerakkan pengembangan kebhahasaan dan kesusasteraan telah mendapat kerjasama yang menggalakkan dalam bentuk tajaan oleh beberapa badan korporat.

Perkara tersebut telah dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji Awang Hussain di Majlis Pertemuan Sasterawan Brunei Pertama di Dewan Sarmayuda Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Kerjasama seperti itu, tambah Yang Berhormat, harus diteruskan dan dila-ratkan kepada sektor-sektor lain dalam masyarakat untuk memastikan bahawa kefahaman ke atas sesuatu yang bersifat nasional seperti pemakaian bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, harus menyeluruh kepada semua warga yang berteduh dan bermastautin di negara ini.

Menurut Yang Berhormat, pertemuan tersebut adalah suatu usaha yang murni dan memerlukan pemikiran yang serius daripada para penulis yang berkecimpung dalam kesusasteraan.

Hala tuju kesusasteraan tanah air, tambah Yang Berhormat, perlu diperjelas dalam konteks pembangunan bangsa. Di sinilah letaknya perkongsian golongan penulis dengan pihak pelaksana dasar yang kedua-dua belah pihak perlu bekerjasama seperti aur dengan tebing.

"Sumbangan kesusasteraan dalam pembangunan bangsa akan bertambah relevan memandangkan perkembangan teknologi yang begitu pesat sekarang di mana-mana sukar untuk mengekalkan identiti asli seseorang melalui budaya, agama dan bahasa," ujar Yang Berhormat.

Dengan kemudahan komunikasi dan mobiliti manusia yang pesat, semua negara di dunia sekarang sedang didiami oleh warga pelbagai etnik, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berharap pertemuan itu akan berjalan dengan lebih sistematik, lebih 'focused approach' dan tidak pada dasar ad-hoc yang menjurus kepada perbincangan yang lebih terarah kepada satu-satu isu dan bukannya secara umum yang melibatkan banyak perkara yang sukar dilaksanakan sebagai pelan bertindak.

Selain itu, Yang Berhormat juga berharap, pertemuan seperti itu dapat diteruskan seperti yang direncanakan untuk membolehkan para sasterawan serta golongan yang berminat dalam aspek-aspek

Oleh Aliddin HM

kebhahasaan dan kesusasteraan berinteraksi secara terbuka.

Terdahulu dari itu, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin berkata, orang Melayu sendiri haruslah mempelajari bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu supaya dapat menguasainya dengan baik dan tidak seharusnya mengambil ringan semata-mata ia adalah bahasa ibunda.

Sikap tidak serius terhadap bahasa Melayu jelasnya, menyebabkan terdapat orang Melayu yang tidak dapat menguasainya dengan baik.

Brunei tambahnya, walaupun kecil ukuran dan penduduknya namun masih mampu melahirkan kesusasteraan dan sasterawannya sendiri dengan semangat untuk melihat sastera berkembang dan mendapat tempat selayaknya di buminya sendiri selain cita-cita dan hasrat kita untuk menyebarkan

nya ke luar negeri melampaui batas sempadan kita.

Pertemuan dua hari itu membincangkan sembilan buah kertas kerja yang ditulis oleh sarjana tempatan yang berkhidmat di negara ini sebagai langkah pertama kepada pertemuan sastera yang lebih besar nanti.

Bidang yang disentuh meliputi pelbagai genre sastera seperti sastera lama, cerpen, novel, kritikan sastera, drama, puisi, penerbitan sastera dan persatuan penulis, di samping bertukar pandangan dan berbincang mengenainya.

Tujuannya ialah supaya bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu juga harus dipelajari oleh orang-orang bukan Melayu, dan tidak dianggap sebagai mata pelajaran yang mudah dan tidak perlu dipelajari lagi.

Bersempena dengan majlis berkenaan, Dewan Bahasa dan Pustaka menyampaikan hadiah dan sijil kepada lebih 60 orang

penuntut dari sekolah menengah seluruh negara yang mendapat kecemerlangan dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.

Mereka memperoleh pangkat 'A' satu dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dan Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan tahun lepas.

"SUMBANGAN kesusasteraan dalam pembangunan bangsa akan bertambah relevan memandangkan perkembangan teknologi yang begitu pesat sekarang di mana-mana sukar untuk mengekalkan identiti asli seseorang melalui budaya, agama dan bahasa," ujar Yang Berhormat.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diga-dong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji Awang Hussain menyampaikan hadiah dan sijil kepada seorang penuntut sekolah menengah yang cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu di Majlis Pertemuan Sasterawan Brunei Pertama. Majlis berlangsung di Dewan Sarmayuda Dewan Bahasa dan Pustaka. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Penggunaan Bahasa Melayu : KITA PERLU TUNJUKKAN ILTIZAM YANG KUAT

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Ogos. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof menjelaskan, peranan meningkatkan martabat bahasa Melayu bukan diserahkan bulat-bulat kepada pihak-pihak berwajib atau pencinta bahasa malahan ianya merupakan tanggungjawab bersama.

"Sebagai warga dan penduduk negara ini, kita sama-sama bertanggungjawab memartabatkan bahasa Melayu dengan cara kita sendiri dan salah satu cara ialah selalu menggunakannya dalam menjalani kehidupan seharian," tegasnya.

Dato Paduka menyatakan, sikap kita yang selalu menerima atau 'accommodating' menjadikan kita sering kali mengalah dan menggunakan bahasa lain terutama sekali bahasa Inggeris apabila bertutur dengan orang yang tidak pandai berbahasa Melayu dan kadang-kadang dengan mereka yang mengerti bahasa Melayu.

Menyatakan perkara itu ketika berucap merasmikan Peraduan Pidato Kebangsaan anjuran bersama Dewan Perniagaan Tionghoa Bandar Seri Begawan, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Kurikulum, Kementerian Pendidikan di Hotel Centerpoint, Dato Paduka menegaskan bahawa sikap sedemikian perlu diubah jika mahu bahasa Melayu dihormati oleh bangsa dan warga lain.

"Dalam hal ini, sebagai warga Negara Brunei Darussalam kita haruslah terlebih dahulu menunjukkan iltizam yang kuat untuk menggunakan bahasa Melayu terutama apabila berhubung dengan warga lain umpamanya apabila berkomunikasi dengan orang-orang asing yang bekerja di negara ini," terangnya.

Menyentuh mengenai penggunaan bahasa Melayu di papan-papan tanda premis-premis perniagaan terutama di kawasan Lembaga Bandaran pula, Dato Paduka berkata, papan tanda yang dipasang di premis-premis menghendaki tulisan jawi dan rumi sahaja menurut peraturan dan undang-undang ketika ini.

Ini tambahnya, menandakan sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh kalangan masyarakat dalam penggunaan bahasa Melayu di negara ini, dan selanjutnya berharap agar penggunaan papan tanda yang betul akan dapat dilartatkan di luar kawasan Lembaga Bandaran.

Dato Paduka juga menyarankan kepada tuan punya bangunan atau premis perniagaan yang terdapat di kawasan berkenaan supaya memberikan kerjasama dengan merujuk kepada pihak tertentu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum memasang papan-papan tanda.

"Sebagaimana prosedur atau amalan yang dilakukan bagi pemasangan papan tanda di kawasan Lembaga Bandaran, setentunya kerjasama yang padu dari semua pihak akan dapat menyumbang ke arah penggunaan bahasa Melayu dengan meluas di negara ini," katanya.

Dalam Peraduan Pidato Kebangsaan, Awang Fadullah bin Ismail, yang membawakan tajuk pidato, 'Belia Tulang Belakang dan Nadi Utama Dalam Kemajuan Pembangunan Ekonomi Negara', muncul sebagai juara dengan memenangi hadiah sejumlah \$1,000.00



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang Peraduan Pidato Kebangsaan anjuran Dewan Perniagaan Tionghoa, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Kurikulum, Kementerian Pendidikan. - Gambar oleh Abdullah HAD.



DUA peserta Peraduan Pidato Kebangsaan menyampaikan pidato masing-masing dalam bahasa Melayu. - Gambar oleh Abdullah HAD.



Jadikan kalimah 'Amar makruf nahi mungkar'

SLOGAN, PRINSIP KEHIDUPAN HARIAN

MARILAH kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala apa jua yang diperintahkan-Nya dan berusaha dengan sedaya upaya menghindarkan diri daripada melakukan perbuatan-perbuatan maksiat semata-mata mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wataala, di samping mengajak manusia berbuat kebajikan dan melarang berbuat kejahatan dalam istilah agama disebut 'Amar makruf nahi mungkar'.

Suatu masyarakat tidak akan baik apabila setiap individu tidak mempunyai rasa tanggungjawab terhadap sesama insan yang hidup dalam satu lingkungan yang kurang menitik beratkan masalah amar makruf nahi mungkar ini. Ketahuilah bahawasanya kedua-dua perkara ini adalah puncak tertinggi


dalam agama Islam dan merupakan soalan yang amat penting sekali dalam kehidupan kita bermasyarakat. Andaikata hal ini diabaikan oleh sesama kita untuk melaksanakan tugas ini, sama ada dalam bidang ilmu pengetahuan mahupun amal perbuatan maka kemungkinan besar akan timbul kesesatan, penipuan, kezaliman, ketidakadilan akan beramaharaja lela serta berleluasa. Kejahilan terus akan melanda setiap orang dan menjadikan masyarakat rosak binasa dan kacau bilau.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali-Imran ayat 104 yang tafsirannya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu puak yang menyeru berakhlak kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

Dan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:-

"Barangsiapa di antara kamu melihat perbuatan mungkar maka cegahlah perbuatan itu dengan kekuasaannya. Apabila ternyata ia tidak



mampu maka cegahlah dengan lidah, dan apabila masih juga tidak mampu, maka hatinya harus mengingkari perbuatan itu, tetapi yang terakhir ini adalah termasuk orang yang lemah imannya". Hadis Riwayat Muslim.

Oleh kerana itu, setiap orang Islam adalah diwajibkan dan bertanggungjawab untuk mengajak manusia supaya melaksanakan perbuatan-perbuatan yang baik dan mendatangkan manfaat serta berusaha sedaya upaya

mencegah segala apa jua bentuk kemungkaran mengikut kemampuan masing-masing sebagai mana keterangan ayat yang dibacakan tadi, dan janganlah kita menyerahkan tugas-tugas seperti ini sepenuhnya kepada

pihak-pihak yang tertentu sahaja untuk menangani tanggungjawab tersebut bahkan seharusnya kita sebagai umat Islam hendaklah saling bekerjasama, tegur-menegur dan nasihat-menasihati. Ibarat kata, umat Islam laksana satu kesatuan tubuh, yang mana jika sebahagian tubuh itu menderita sakit, maka seluruh badan itu pun merasa sakit.

Apa yang kita saksikan dan hadapi sekarang ini, mengenai berleluasanya segala bentuk kerosakan yang tertumpu dari kebebasan individu, yang mana keadaan seperti itu akan terjadi dalam masyarakat Islam. Kerana erti kebebasan menurut pandangan Islam terikat di dalam batas-batas kebaikan menurut Al-Quran dan juga sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Tetapi ternyata kebebasan itu telah melewati batas ketentuan yang mengakibatkan mengganggu kepentingan orang lain, menyalahgunakan kuasa yang diamanahkan, menindas orang yang lemah sehingga timbulnya dendam-mendendam dan sakit hati, ketidakadilan dihadapi dengan ketidakadilan dan sebagainya. Apabila hal ini terjadi, maka seharusnya dicegah

dan tidak boleh dibiarkan sahaja.

Oleh yang demikian, sebagai seorang Muslim janganlah kita berpeluk tubuh sahaja atau mementingkan diri sendiri, asalkan merasa dirinya baik sudah mencukupi, tanpa memedulikan akan orang lain, keluarga, masyarakat dan negara.

Justeru itu, marilah kita sama-sama melaksanakan perkara-perkara yang berkebaikan ini sebagai mana yang dikehendaki oleh agama Islam yang merupakan sebahagian daripada takwa dan iman kita kepada Allah Subhanahu Wataala untuk menjamin kebahagiaan hidup kita di dunia dan juga di akhirat nanti.

Dan jadikanlah kalimah 'Amar makruf nahi mungkar' atau dalam

bahasa Melayunya bermaksud mengajak kepada kebajikan dan mencegah dari segala kemungkaran sebagai slogan, atau prinsip atau cogan kata dalam kehidupan harian, insya Allah, diri kita, anak isteri kita, keluarga kita, masyarakat kita, negara kita dan umat Islam seluruhnya akan beroleh keselamatan, keamanan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Dalam Surah Ali-Imran ayat 110 yang tafsirannya:

"Kamu wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah."

Ceramah Khas Sempena 'EXPO ISLAM ANTARABANGSA PERTAMA 2001'



Penceramah : Yusuf Islam.

Bertempat : Bangunan Jabatan Mufti Negara, Jalan Babu Raja.

Tarikh : Khamis, 11 Jamadilakhir, 1422 bersamaan dengan 30 Ogos, 2001.

Jam : 8.30 pagi - 11.30 pagi.

Anjuran bersama : Persatuan Nurul Islam dan Pusat Da'wah Islamiah. Tiket berharga \$10.00



Ceramah akan disampaikan dalam bahasa Inggeris.

boleh diperolehi melalui :

H/p : 08-828790
Telefon : 02-380396 atau
Faks : 02-380396

وقت سبہیخ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبہیخ، امساك، شوروق دان ضحی باكي دایره بروني دان مولانا مولاي دري هاري رايو، 3 جمادي الآخر، 1422 برسمان 22 لوگوس، 2001 هيفك كهاري ثلاث، 9 جمادي الآخر، 1422 برسمان 28 لوگوس، 2001 اداله سقرت دبلوه اين :-

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
جمادي الآخر									لوگوس
3	12.25	3.37	6.31	7.42	4.47	4.57	6.15	6.39	22
4	12.24	3.37	6.31	7.41	4.47	4.57	6.15	6.39	23
5	12.24	3.36	6.30	7.41	4.47	4.57	6.15	6.38	24
6	12.24	3.35	6.30	7.40	4.47	4.57	6.15	6.38	25
7	12.24	3.34	6.30	7.40	4.47	4.57	6.15	6.38	26
8	12.23	3.33	6.29	7.39	4.47	4.57	6.14	6.38	27
9	12.23	3.32	6.29	7.39	4.47	4.57	6.14	6.38	28

وقت ۲ سبہیخ باكي دایره توتوغ دهبه ساتو مينيت دان دایره بلايت دهبه تيگ مينيت، سبہیخ فرض جمعة دسلورو نكلرا بروني دارالسلام مولاي دري فوكل 12.45 نهار.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihi Wasabbihi Waman Walah.

2. MELALUI ZAT, SIFAT-SIFAT, DAN NAMA-NAMA ALLAH SUBHANAHU WATAALA.

J UMHUR ulama juga berpendapat bahawa tawassul melalui perkara-perkara tersebut di atas juga adalah termasuk tawassul yang disyariatkan. Allah Subhanahu Wataala

berfirman yang tafsirnya:

"Hanya milik Allah al-Asmaa al-Husna (nama-nama yang agung yang sesuai dengan sifat-sifat Allah Subhanahu Wataala maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut al-Asma' al-Husna itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan." (Surah Al-A'raf: 180)

3. MELALUI DOA ORANG ISLAM YANG MASIH HIDUP.

Bertawassul melalui doa orang Islam yang masih hidup, menurut Al-'Allamah Ibnu Taimiyah, telahpun disepakati oleh ulama akan keahluannya, kerana ianya memang terdapat di dalam Al-Quran dan hadis Nabi. Firman Allah Taala yang tafsirnya:


"Dan orang-orang yang datang sesudah mereka (Muhajirin dan Ansar), mereka berdoa: "Wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu daripada kami, dan janganlah Engkau membiarkan kedengian dalam hati kami

terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang." (Surah Al-A'ashr: 10)

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bertawassul dengan Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu. Dalam sebuah hadis disebutkan, bahawa Umar bin Al-Khattab berkata yang maksudnya:

"Aku meminta izin kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk melakukan umrah. Nabi mengizinkan dan bersabda: Wahai Sau-

TAWASSUL SALAH SATU DARIPADA AJARAN ISLAM



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 124 Bahagian Ketiga

Abdullah bin 'Umar yang sedang sakit kakinya. Tiba-tiba seorang lelaki berkata: "Sebutlah nama orang yang paling engkau cintai." Maka Abdullah bin 'Umar pun berkata: "Wahai Muhammad, sehingga seakan-akan dia tidak pernah sakit."

Yang artinya:

"Mujahid meriwayatkan bahawa dia melihat seorang yang sakit kaki di sisi Ibnu Abbas. Lalu Ibnu Abbas berkata kepadanya. "Sebutlah nama orang yang paling engkau cintai." Maka orang yang sakit itu pun menyebut nama Muhammad Sallallahu Alaihi wasallam. Lalu rasa sakit dan lemah di kaki orang itu pun lenyap."

5. MELALUI TABARRUK DARI PENINGGALAN RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM.

Muhammad Alwi Al-Makki, mengatakan bahawa para sahabat telah mengambil berkat (tabarruk) dari pelbagai bekas atau kesan peninggalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Menu-

rutnya, tabarruk hanya mempunyai satu makna, iaitu bertawassul kepada Allah dengan peninggalan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurut Alwi Al-Makki, bahawa pendapat yang tidak membenarkan tawassul dengan benda-benda atau kesan peninggalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah tidak boleh diterima. Alasannya, kerana para sahabat sendiri melakukannya untuk tujuan tabarruk yang bererti tawassul, umpamanya bertabarruk atau bertawassul dengan kuburan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana Sayidina Umar bin Al-Khattab mengharap-kan agar setelah meninggalnya dia akan dikuburkan di samping Rasulullah Sallallahu Alaihi wasallam dan Sayidina Abu Bakar As-Siddiq.

Menurut beliau lagi, bertawassul dengan benda-benda itu juga pernah dilakukan oleh para nabi. Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"Dan Nabi mereka, ber-

kata lagi kepada mereka: "Sesungguhnya tanda kerajaan Talut itu (yang menunjukkan benarnya dari Allah) ialah datangnya kepada kamu peti Tabut yang mengandungi (sesuatu yang memberi) ketenteraman jiwa dari Tuhan kamu dan (berisi) sebahagian dari apa yang telah ditinggalkan oleh keluarga Nabi Musa dan Harun, peti Tabut itu dibawa oleh Malaikat. Sesungguhnya peristiwa kembalinya Tabut itu mengandungi satu tanda keterangan bagi kamu, jika betul kamu orang-orang yang beriman." (Surah Al-Baqarah: 248)

Muhammad Alwi Al-Makki menafsirkan bahawa Bani Israil selalu bertawassul dengan Tabut (peti) itu. Peti itu dibawa ke setiap pertempuran sehingga Bani Israil selalu mendapat kemenangan.

Walau bagaimanapun, amat perlu diingat, bahawa sesuatu yang dijadikan perantara itu hanyalah berfungsi sebagai mediator untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala. Menurut ulama ini lagi, barangsiapa yang berkeyakinan bahawa perantara itu adalah lebih daripada

sekadar mediator, maka dia telah menjadi syirik. Orang yang beriktikad bahawa perantara itu dapat mendatangkan manfaat dan mudarat seolah-olah seperti Allah Subhanahu Wataala dan atau tanpa kemahuan Allah Subhanahu Wataala, maka sesungguhnya orang seperti ini telah musyrik. Oleh itu, hendaklah difahami bahawa tawassul itu bukanlah suatu kemestian dan bukan juga suatu yang sangat perlu. Terkabulnya sebuah doa tidaklah tergantung kepada perantara itu, tetapi yang pasti, doa secara mutlak ialah kepada Allah Subhanahu Wataala. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan apabila hamba-hamba Ku bertanya kepada-mu tentang Aku, maka (jawablah) bahawasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila dia memohon kepada-Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala) perintah-Ku dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran." (Surah Al-Baqarah: 186)

Bersambung

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

TANGISAN boleh dibahagikan kepada dua iaitu tangisan berben-tuk negatif dan positif. Tangisan yang dilarang dalam Islam ialah yang berbentuk negatif seperti me-raung dan melolong dengan sekuat hati, misalnya sewaktu menerima atau meratapi sesuatu kematian. Tangisan seumpama ini bukan saja dipandang negatif kepada orang yang melakukannya, tetapi mayat yang diratapinya juga terseksa. Hal ini telah dijelaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabdanya yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim bermaksud: "Mayat yang diratapi akan terseksa kerana ratapan itu."

Meraung sekuat hati dilarang kerana ia adalah warisan zaman jahiliyah. Perkara ini telah dijelaskan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan

oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim sebagaimana sabdanya yang bermaksud: "Bukanlah daripada golongan kami, orang yang (menangis) menampar-nampar muka dan mengoyak pakaian dan meraung seperti raungan jahiliyah."

Tangisan yang dikatakan positif dan mulia terjadi kerana cinta dan takut kepada Allah. Nilai titisan air mata sedemikian dinyatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Tirmizi bermaksud: "Tiada sesuatu yang lebih disukai Allah daripada dua titis dan dua bekas; titisan air mata kerana takut kepada Allah dan titisan darah dalam mempertahankan agama Allah. Adapun dua bekas ialah bekas perjuangan fisabilillah dan bekas dalam menunaikan kewajipan kepada Allah."

Antara tangisan atau air mata yang dianggap positif,

ISLAM MELARANG TANGISAN DAN RATAPAN KETERLALUAN

mulia dan harus dalam Islam adalah seperti berikut:

1. Tangisan Kesyukuran

Orang yang beriman akan sentiasa bersyukur dengan apa yang dikurniakan Allah. Mereka sama sekali tidak pernah mengeluh, malah sentiasa reda dengan apa yang mereka terima. Oleh sebab itu, kita dapati orang sebegini adakalanya sampai menitis air mata apabila menerima rahmat dan nikmat itu.

Sebagai contoh hadis Baginda yang diriwayatkan Anas bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada Ubay bin Kaab: "Allah menyuruh membacakan kepadamu Surah Lam Yakunil Ladziina Kafaruu" Ubay bertanya: "Apakah Allah menyebut namamu? Jawab Nabi: "Ya". Lalu menangislah Ubay (kerana mendengar berita gembira itu)."

2. Tangisan Penyesalan

Biasanya tangisan penyesalan terjadi apabila seseorang yang melakukan dosa, menyedari dan menyesali perbuatannya dengan bersung-

guh-sungguh. Daripada penyesalan itu, timbul rasa sedihnya yang mendalam yang akhirnya menitis air mata. Tangisan sedemikian timbul kerana wujudnya kesedaran dan takut kepada Allah.

Keadaan sebegini akhirnya mendorongnya bertaubat dan kembali kepada jalan yang benar. Hal ini jelas seperti firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Taubah ayat 82; maksudnya: "Oleh itu bolehlah mereka ketawa sedikit (di dunia ini) dan mereka akan menangis banyak (di akhirat kelak), sebagai balasan bagi apa yang mereka telah usahakan."

3. Tangisan Kerana Kekhusyukan

Tangisan ini boleh terjadi apabila seseorang itu begitu khusyuk dalam beribadat. Air mata yang menitis itu bukan kerana perasaan sedih, tetapi kerana menyedari betapa diri begitu kecil apabila berhadapan dengan Pencipta-Nya. Dikatakan orang yang mencapai tingkat kekhusyukan yang

tinggi dalam beribadat hingga menitis air mata adalah salah satu daripada 7 golongan yang mendapat keistimewaan pada Hari Kiamat, seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim maksudnya: "Tujuh macam orang yang akan dinaungi Allah pada hari di mana tidak ada naungan kecuali naungan-Nya; imam yang adil, pemuda yang dibesarkan dalam beribadat kepada Allah, orang yang hatinya selalu rindu pada masjid, dua orang yang berkasih sayang semata-mata kerana Allah iaitu berkumpul kerana Allah dan berpisah kerana Allah, seorang lelaki yang diajak berzina wanita bangsawan dan rupawan tetapi ditolaknyanya dengan ucapan, "Aku takut kepada Allah", seorang yang bersedekah yang dirahsiakannya sehingga kiranya tidak mengetahui apa yang dilakukan kanannya dan akhir sekali orang yang berzikir kepada Allah dalam keadaan menyendiri lalu menitis air matanya."

4. Tangisan Kerana Bimbang Terputusnya Rahmat Allah

Suatu hal yang menyedihkan hati dan mengkhawatirkan di kalangan orang beriman ialah terputusnya kebajikan dan rahmat Allah. Apabila keadaan ini berlaku, ia boleh mengubah perasaan hati sehingga menjadi sedih dan terharu.

Sebagai contoh, pada suatu hari selepas wafatnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Abu Bakar mengajak Umar ke rumah Ummu Aiman sepertimana Baginda sewaktu hayatnya sering menziarahinya. Apabila sampai, tiba-tiba Ummu Aiman menangis. Kedua-dua tamunya itu bertanya: "Apakah yang menyebabkan kamu menangis? Tidakkah kau tahu bahawa yang tersedia di sisi Allah untuk Rasulullah jauh lebih baik?" Ummu Aiman menjawab: "Aku tidak menangis kerana itu melainkan kerana wahyu daripada langit sudah terputus (terhenti)". Kata-kata Ummu Aiman itu ternyata mengharukan Abu Bakar serta Umar, dan kedua-

duanya turut menangis."

Berdasarkan huraian di atas, jelaslah bahawa tangisan yang positif mempunyai keutamaan dalam Islam sehingga tangisan seumpama itu boleh mendatangkan manfaat.

Ini adalah kerana, orang yang menitis air mata kerana Allah, sebenarnya mereka orang yang cukup tinggi rasa keimanan dan ketakwaan seperti sabda Rasulullah melalui hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dan Al-Imam Al-Tirmizi bahawa: "Kami datang kepada Rasulullah sedang Baginda menunaikan solat. Maka terdengar nafas tangisan yang bagaikan suara air mendidih."

Kesimpulannya, kita renungi kata-kata seorang ulama mengenai kemuliaan tangisan yang positif. Katanya: "Cucilah empat perkara dengan empat perkara; pertama cucilah wajahmu dengan air matamu, kedua cucilah lidahmu dengan berzikir kepada Penciptamu, ketiga cucilah batimu dengan rasa takut kepada Tuhanmu dan akhir sekali cucilah dosamu dengan bertaubat kepada Allah".

ALAM SEKITAR

Mengukur keberkesanan pelan tindakan jerebu serantau



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria ketika mempengerusikan Mesyuarat Bersama Kali Ke-7 Kumpulan Kerja sub-ASEAN bagi persediaan mengawal kebakaran di kawasan Borneo dan kumpulan kerja sub-ASEAN bagi persediaan mengawal kebakaran di kawasan Sumatera.

MESYUARAT bersama kali ke-7 kumpulan kerja sub-ASEAN bagi persediaan mengawal kebakaran di kawasan Borneo dan kumpulan kerja sub-ASEAN bagi persediaan mengawal kebakaran di kawasan Sumatera telah diadakan selama sehari pada 2 Ogos yang lalu yang berlangsung di Hotel Orchid Garden.

Mesyuarat dihadiri oleh beberapa perwakilan yang terdiri dari pegawai-pegawai kanan kerajaan dan beberapa agensi negara-negara ASEAN seperti Republik Singapura, Malaysia, Republik Indonesia dan Negara Brunei Darussalam yang menyokong ke arah yang berkaitan dengan alam sekitar, menghadiri mesyuarat berkenaan.

Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria, mempengerusikan mesyuarat sehari itu.

Dalam ucapan alu-aluan, pengerusi menjelaskan bahawa mesyuarat tersebut antara lain akan membincangkan masalah jerebu yang mengganggu di sebahagian rantau ini yang telah berlaku baru-baru ini dan peristiwa tersebut tentunya memberi petunjuk yang berguna bagi mengukur keberkesanan pelan tindakan jerebu serantau serta pelan tindakan kebangsaan dan pelan tindakan segera dalam negara yang telah dilaksanakan.

Tambahnya, hasil dari pengalaman yang telah dilalui mengenai dengan kehadiran cuaca kering dan pembakaran di rantau ini ia mudah diketahui dengan pengawasan berterusan serta kecekapan hasil dari kejayaan negara-negara ahli dan negara-negara di peringkat serantau dalam membuat keputusan.

Jelasnya, kesan reaksi dan tindakan yang telah diambil oleh ahli-ahli negara yang terlibat seperti mengekalkan bagi larangan pembakaran secara terbuka sewaktu musim kering oleh Malaysia dan penyekatan pembakaran oleh syarikat-syarikat peladang dan kadar konsesi

Oleh Abu Bakar HAR

terutama dalam membantu bagi pengawalan aktiviti pembakaran di kalangan peladang secara kecil-kecilan di Republik Indonesia semakin menggalakkan.

Katanya, tindak balas serantau mahupun peringkat kebangsaan dari ledakan kebakaran dan kejadian jerebu menunjukkan telah banyak memperbaiki keadaan, dan walau bagaimanapun tegas beliau, kita tidak boleh terlepas dari melakukan pencegahan.

Selain membentangkan laporan perkembangan mengenai dengan pelan tindakan dalam mengawal kebakaran dan jerebu, mesyuarat itu juga telah banyak memberikan peluang bagi anggota negara-negara yang mengahdirinya untuk mempelajari kesan daripada jerebu terutama bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti kerja berkumpulan di masa hadapan dalam merealisasikan pelan tindakan jerebu serantau.

Kerjasama alam sekitar ASEAN

MESYUARAT pegawai-pegawai kanan ASEAN (ASOEN) mengenai alam sekitar yang berlangsung selama dua hari bermula 3 Ogos telah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi Alam Sekitar Thailand Awang Sunthad Somchevit dengan dihadiri kira-kira 40, orang pegawai-pegawai kanan anggota ASEAN di Hotel Orchid garden.

Mesyuarat tersebut telah membincangkan dengan panjang lebar rancangan-rancangan kerjasama mengenai hal ehwal alam sekitar yang bukan saja penting bagi serantau malahan juga berkaitan secara global.

Antara isu yang dibincangkan di mesyuarat itu termasuklah mengkaji semula pelaksanaan pelan tindakan strategik ASEAN mengenai alam sekitar yang meliputi seperti pembakaran hutan dan jerebu, pemeliharaan alam semula jadi dan biodiversiti serta perjanjian mengenai alam sekitar pelbagai hala.

Menurut Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa mesyuarat tersebut telah mengulas mengenai Pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik ASEAN (1999-2004) yang menyentuh alam sekitar di samping itu juga tegasnya mesyuarat berkenaan akan menyumbang maklumat kepada laporan penggal pertengahan kajian Pelan Tindakan Hanoi yang akan ditimbang semula semasa berlangsungnya Mesyuarat ASEAN Ketujuh di negara ini pada November tahun ini yang sekali gus akan memberikan sukat-sukat dalam mencapai tujuan bagi merealisasikan hasrat dari Pelan Tindakan Hanoi tersebut.

Tambahnya isu alam sekitar kini menjadi semakin kompleks di mana ia juga dihubungkan dengan ekonomi dan perdagangan.

Jelasnya dalam arena antarabangsa, usaha secara kolektif ke arah penyediaan negara-negara anggota bagi menyertai sidang kemuncak dunia 2002 seperti persediaan cadangan untuk menyediakan laporan alam sekitar ASEAN 2002 merupakan inisiatif yang dialu-alukan.

Inisiatif tersebut tentunya akan dapat membantu untuk menjelaskan kesedaran ASEAN dan pendiriannya dalam mesyuarat antarabangsa khususnya usaha ASEAN mengenai dengan alam sekitar dan kejayaannya.

PERJANJIAN PENCEMARAN JEREBU DITANDATANGANI NOVEMBER 2001

MESYUARAT ke-12 pegawai-pegawai kanan ASEAN mengenai alam sekitar yang diadakan selama dua hari berturut-turut pada 3 hingga 4 Ogos lalu telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari anggota ASEAN serta perwakilan dari Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat tersebut antara lain telah mengkaji semula pembangunan-pembangunan yang berhubungkait dengan kerjasama mengenai alam sekitar di rantau ASEAN dan membincangkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kerjasama berdasarkan Pelan Tindakan Hanoi mengenai alam sekitar.

Menurut siaran akhbar di mesyuarat tersebut menjelaskan bahawa kawasan kerjasama tersebut termasuklah pencemaran udara melalui sempadan, pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti, perjanjian alam sekitar pelbagai hala, pengawalan pantai dan hidupan marin serta pelbagai aktiviti yang berhubungkait dengan alam sekitar.

Di mesyuarat tersebut, para pegawai kanan juga telah membincangkan mengenai tindakan lanjutan mengenai keputusan yang dibuat oleh menteri-menteri alam sekitar sewaktu mesyuarat rasmi ke-8 pada bulan Oktober 2000 lalu yang berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah dan di mesyuarat tidak rasmi ke-6 yang berlangsung di Phnom Penh, Kemboja pada Mei 2001 yang lalu.

Menyentuh mengenai pencemaran jerebu yang melintasi sempadan, mesyuarat juga menyatakan bahawa peluang tipis bagi kejadian El-Nino berlaku di penghujung tahun ini, walau bagaimanapun sewaktu angin monsun barat daya kemungkinan beberapa kawasan seperti Sumatera Selatan dan tengah akan mengalami cuaca kering daripada biasa. Ini mungkin membawa kepada berlakunya kejadian sedikit berjerebu di rantau ini.

Oleh Abu Bakar HAR

Mesyuarat juga telah membuat ketetapan untuk melangkah bagi berusaha untuk melonggarkan pembakaran hutan dan tanah.

Mesyuarat menyatakan kesukaran dalam melaksanakan polisi pembakaran di bawah sifar pada paras padang khususnya bagi masyarakat setempat. Oleh itu mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan larangan bagi pembakaran secara terbuka sebagai strategi jangka panjang termasuk musim yang menuju ke arah barat daya terutama semasa bulan Julai hingga membawa September.

Sebagai strategi jangka pendek dan sederhana, mesyuarat juga bersetuju untuk meneruskan usaha bagi rancangan yang membawa kesedaran kepada masyarakat dan garis panduan pembangunan serta teknik cara mengawal kebakaran.

Mesyuarat juga telah menyatakan mengenai perkembangan yang telah dicapai dengan perhatian kepada penjelasan daripada persetujuan ASEAN mengenai pencemaran jerebu yang melintasi sempadan, oleh itu pegawai-pegawai kanan tersebut secara tidak langsung akan terlibat menentukan bahawa perjanjian berkenaan akan ditandatangani semasa berlangsungnya Mesyuarat ASEAN pada bulan November 2001 di Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh perjanjian alam sekitar pelbagai hala, mesyuarat menyatakan bahawa bengkel latihan yang berhubung dengan bahan-bahan kimia MEAs akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia di samping mesyuarat juga bersetuju untuk mengadakan mesyuarat pakar mengenai perubahan cuaca yang akan berlangsung di Republik Singapura bulan Oktober nanti bagi membincangkan aktiviti-aktiviti serantau mengenai perubahan cuaca dan persediaan bagi COP 7.

cangkan aktiviti-aktiviti serantau mengenai perubahan cuaca dan persediaan bagi COP 7.

Mengenai pemeliharaan alam marin dan pantai, mesyuarat mengesahkan cadangan bagi penyelarasan serantau bagi penyatuan perlindungan dan pengurusan alam marin dan pantai di Asia Tenggara bagi pelaksanaannya. Mesyuarat juga bersetuju bekerjasama lebih rapat lagi dengan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan pertubuhan antarabangsa di rantau ini.

Mesyuarat menyatakan bahawa laporan kedua negara-negara ASEAN mengenai alam sekitar 2000 telahpun diterbitkan. Sekretariat ASEAN akan melancarkan terbitan tersebut sebaik saja penerbitan lain mengenai alam sekitar diterbitkan seperti 'Fire, Smoke and Haze: The ASEAN Response Strategy' dan The 'ASEAN Environmental Education Action Plan 2000-2005' pada 14 Ogos 2001 di Sekretariat ASEAN, Jakarta.

Acara tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti ASEAN untuk memberi publisiti mengenai alam sekitar serantau dan pihak-pihak yang berkaitan dengannya untuk mengambil bahagian dalam meningkatkan kerjasama serantau mengenai alam sekitar.

Pegawai-pegawai kanan juga telah membincangkan rancangan-rancangan kerjasama dengan perwakilan kerajaan seperti Jepun dan Korea Selatan dalam rangka kerjasama ASEAN + 3. Mereka juga telah membincangkan aktiviti-aktiviti kerjasama bersama dengan beberapa buah organisasi antarabangsa seperti rancangan alam sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu dan Usaha-sama Alam Sekitar Amerika Syarikat-Asia.

Menurut perwakilan dari Vietnam menjelaskan bahawa mesyuarat seterusnya akan berlangsung pada bulan Julai/Ogos 2002 di Kemboja.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu "Isu Sosial - Pihak Swasta Juga Berperanan Menanganinya". Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Adakan aktiviti berfaedah

ISU sosial bukanlah satu masalah yang baru kita dengar. Kita sebagai masyarakat yang bertanggungjawab dan saling mengambil berat tentang susah senang masyarakat di sekeliling kita serta bersikap tolong-menolong, haruslah mengurangkan gejala sosial ini.

Memang sukar sekali kita hendak menghapuskannya akan tetapi insya-Allah, kita akan dapat mengurangkannya. Di dalam isu sosial ini terdapat dua makna, satu adalah kebaikan dan satu lagi adalah keburukan. Di dalam kebaikan, bersosial adalah rutin kita sehari-hari. Jika kita tidak tahu bersosial kita akan ketinggalan, semua orang mara ke depan tetapi kita masih lagi di belakang. Salah satu di antara sebabnya ialah kita tidak tahu bagaimana hendak bersosial dengan orang di sekeliling kita. Oleh itu kita akan digelar 'kuno'. Bersosial adalah satu kaedah untuk berkomunikasi bersama masyarakat di sekeliling kita. Di era yang serba canggih dan moden ini masa berlalu cepat untuk kita tempuhi dan kita lalui. Bagi pelajar pula bersosial adalah amat penting, tidak kira sama ada bersama guru atau bersama rakan-rakan di sekolah. Dari sana kita akan dapat mengetahui keberanian seseorang pelajar itu untuk menampilkan diri di kalangan masyarakat dan menonjolkan diri sendiri tanpa rasa takut - dari situlah kita akan dapat memperbaiki diri kita.

Manakala keburukannya pula, orang itu sendiri tidak tahu menghargai kebaikan yang telah diberi. Mereka telah menyalahgunakan erti sosial itu dengan melakukan perkara yang tidak berfaedah seperti membuang masa dengan melepak beramai-ramai di sana sini serta melakukan perkara yang tidak baik. Mereka bersosial hanya untuk mencari hiburan, memang tidak salah untuk mencari hiburan tetapi jika telah melampaui batasnya, mereka akan merosakkan diri sendiri. Kita hanya tahu menyalahkan kerajaan kerana tidak menanganinya. Dengan adanya pusat-pusat permainan video, kelab-kelab yang selalunya beroperasi di malam minggu dan bermacam-macam lagi boleh mempengaruhi kita. Walaupun untuk memasuki tempat-tempat itu memerlukan wang akan tetapi mereka tidak peduli mereka cuma mahu keseronokan dan kepuasan. Dengan itu dalam mengurangkan masalah sosial ini kita berharap pihak swasta dapat membantu pihak kerajaan untuk mengurangkan masalah sosial yang berlebihan ini dengan mengurangkan pembukaan pusat-pusat seperti itu. Bahawasanya pihak swasta juga mempunyai peranan untuk menanganinya.

Pihak swasta juga boleh mengadakan aktiviti yang berfaedah daripada membuka pusat-pusat yang hanya membuang masa. Bermacam-macam lagi aktiviti yang boleh kita buat seperti membuat perkhemahan yang mana telah diadakan di Anduki baru-baru ini, lawatan sambil belajar untuk menimba ilmu pengetahuan dan bermacam-macam lagi bagi membantu mengurangkan masalah sosial yang tidak baik ini demi membangun masyarakat yang berkaliber di masa hadapan.

Dayang Siti Raymah binti Haji Baharuddin,
No. 480, Kampong Sungai Besar,
Jalan Kota Batu, BD 2517.
No. k/p: 302282.

Pihak swasta berperanan sama

ISU sosial sememangnya seringkali menjadi bahan perbincangan hangat masyarakat dunia amnya pada masa kini seperti isu penyalahgunaan dadah, merogol, pelacuran dan sebagainya. Ini jelas kita lihat dan dengar laporan isu sosial sama ada di kaca televisyen mahupun di surat-surat khabar. Apa yang diketahui bahawa isu ini semakin hari menjadi-jadi tanpa kesudahannya ini nyata bukan merupakan suatu perkara yang baru bahkan sudah

wujud sejak dahulu lagi. Ini secara langsung membangkitkan rasa kebimbangan kepada masyarakat umum yang boleh menjangkakan kesejahteraan dan keharmonian hidup terutamanya kepada golongan anak-anak muda. Apa yang membimbangkan ialah terdapat ramai golongan remaja pada masa kini sudah mula melibatkan diri dengan berbagai-bagai isu sosial yang boleh menghancurkan masa depan mereka.

Fenomena seumpama ini tidak hanya berlaku di negara-negara Barat malahan tidak dinafikan juga berlaku di negara-negara Timur terutamanya negara-negara Islam. Umpamanya di Malaysia dan juga Brunei yang mana terdapat laporan yang menyatakan ramai di kalangan orang-orang Melayu yang beragama Islam terlibat dengan isu sosial, antaranya penyalahgunaan dadah, walaupun perkara itu sememangnya diketahui adalah ditegah oleh Islam.

Justeru itu, pelbagai usaha telah banyak dilakukan oleh pihak agensi kerajaan. Namun begitu, kita tidak seharusnya mengharap seratus peratus kepada agensi kerajaan untuk menangani isu sosial ini. Ini adalah kerana segala perlaksanaan yang dijalankan oleh agensi kerajaan sememangnya tidak dapat ditangani sepenuhnya disebabkan fenomena seperti ini dianggap perkara yang agak rumit untuk ditangani tanpa ada penglibatan dari pihak-pihak lain dalam membantu permasalahan ini. Oleh itu, pihak swasta juga berperanan dalam sama-sama menangani isu ini, di samping kerjasama daripada

orang ramai untuk membantu menanganinya.

Apapun, peranan pihak swasta dalam sama-sama menangani isu ini amat diperlukan agar usaha-usaha yang dilakukan akan lebih berkesan dan berjalan dengan jayanya. Sebagai contoh, di antaranya pihak swasta dalam bidang media percetakan seperti surat khabar dan sebagainya dapat menyalurkan beberapa informasi tentang perkara-perkara negatif serta kesudahan mengenainya yang melanda kepada setiap negara dan masyarakat dunia.

Apa yang jelas ialah penglibatan pihak swasta ini diharapkan dapat meringankan pelaksanaan yang dilakukan oleh pihak agensi kerajaan. Kita sepatutnya tidak boleh menyerahkan tanggungjawab ini sepenuhnya kepada pihak agensi kerajaan untuk menanganinya. Dengan erti kata lain, ini tidak bermakna pihak agensi kerajaan tidak langsung dapat menanganinya dengan baik, akan tetapi dengan adanya peranan pihak swasta ini, segala usaha-usaha yang dilakukan insya-Allah akan dapat berjalan dengan lebih berkesan lagi, dan ketidak-tidaknya pihak swasta dapat memberi sumbangan dan bantuan yang semampunya dalam menangani isu sosial yang kian menular dari hari ke hari.

Dayang Hajah Rafiah binti Tahir
No. 6, Simpang 1513 (Lot 7916)
Kampong Lamunin, Tutong
TG 2343
No. k/p: 036295.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Rumah Tangga dan Keluarga Perlu Diberikan Keutamaan'. Tarikh tutup 25 Ogos, 2001.
2. 'Utamakan Penyusuan Susu Ibu'. Tarikh tutup 1 September, 2001.
3. 'Peranan Guru Semakin Mencabar Di Era Globalisasi'. Tarikh tutup 8 September, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.**

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

Atasi sebelum jadi parah

ISU sosial adalah merupakan isu yang sedang melanda negara kita. Anti Sosial adalah sesuatu budaya yang boleh membawa kepada kerosakkan akhlak seseorang itu. Sekarang ini isu sosial yang tidak baik seperti pengambilan dadah, pergaulan bebas yang mengikut cara Barat dan sebagainya adalah sangat diambil berat oleh pihak kerajaan. Isu sosial juga semakin menjadi-jadi apatah lagi di zaman yang serba moden dan canggih ini yang mana budaya tradisi dilupakan dan tidak diamalkan lagi.

Kebanyakannya isu sosial ini melibatkan muda-mudi. Ini disebabkan mereka mudah terpengaruh dengan budaya negara asing khususnya negara di sebelah Barat. Pengaruh media massa juga boleh membawa kepada gejala yang tidak sihat yang mana mereka lebih-lebih lagi menyebarkan maklumat yang kurang baik kepada

orang ramai. Namun kita bersyukur kerana media massa di negara ini sudah ditapis terlebih dahulu.

Maka dengan itu, kita sebagai masyarakat Brunei yang mempunyai sifat saling bantu-membantu dan sifat kebruneian hendaklah sama-sama menangani masalah sosial yang sedang kita hadapi. Kita juga tidak sepatutnya menyerahkan kesemuanya kepada pihak kerajaan semata-mata untuk menangani dan membendung masalah ini. Isu sosial ini merupakan isu yang boleh dikatakan semua pihak terlibat untuk menanganinya.

Pihak swasta juga sama-sama membantu mengukuhkan ekonomi dan membangun negara juga haruslah bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk menangani isu ini seperti mengadakan peraduan melukis dan mewarna untuk budak sekolah, peraduan bersukan

dan sebagainya bagi mengelakkan isu sosial ini berlaku terutamanya kepada muda-mudi sekarang ini.

Perkara itu dapat kita lihat yang mana pihak swasta juga turut menangani isu sosial apabila sahaja tiba musim perayaan dan cuti persekolahan. Pihak swasta mengadakan pelbagai aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan berguna yang boleh membantu muda-mudi supaya tidak melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan membuang masa. Selain itu pihak swasta juga haruslah membantu pihak kerajaan dalam pelbagai aspek dan masalah selain daripada isu sosial.

Oleh yang demikian, pihak swasta dan kerajaan haruslah bersatu padu dan mengambil langkah-langkah positif bagi mengelakkan masalah sosial ini. Ini kerana gejala sosial boleh membawa kesan yang buruk kepada negara dan mungkin akan

melumpuhkan ekonomi sesebuah negara jika tidak diatasi dengan segera apatah lagi gejala sosial berlaku kepada muda-mudi yang dikatakan sebagai aset negara yang bakal memimpin dan membangun negara di masa akan datang.

Melangkah lebih jauh, kebelakangan ini beberapa buah institusi kewangan dan perniagaan telah menggunakan kecanggihan internet sebagai salah satu kemudahan urusiannya mereka. Mendahului institusi kewangan dalam penyediaan perkhidmatan internet di negara ini ialah Bank Baiduri (Baiduri perbankan internet). Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) baru-baru ini juga tidak ketinggalan memanfaatkan teknologi itu dengan menyediakan perkhidmatan tempahan internet RBA (RBA Internet Booking).

Kini sebuah lagi institusi kewangan tempatan terkemuka, Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB), menyediakan Perkhidmatan Eze-Net Islamic Banking (Perbankan Internet IDBB) yang dilancarkan pada 9 Ogos, 2001 lepas, di salah sebuah hotel terkemuka di Jerudong.

Dengan terlaksananya perkhidmatan itu, para pelanggan IDBB akan dapat melihat keperluan peribadi dan perbankan secara 'online' pada bila-bila masa yang mereka kehendaki iaitu 24 jam sehari sepanjang minggu dan tahun.

Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang disediakan termasuklah kemu-



IDBB telah mengambil langkah yang perlu bagi memastikan persekitaran yang terjamin kepada pelanggan internet, jelas Pengarah Urusan IDBB, Pengiran Datin Paduka Hajah Ural.

dahan melihat baki kewangan dan transaksi lepas, akaun bersambung (link) dan kemudahan kewangan IDBB selain penyaluran informasi.

Butir-butir lain yang boleh didapati secara terperinci termasuklah kemudahan pelaburan kewangan tentang rumah dan peribadi pelanggan, butir-butir kewangan seperti baki, purata keuntungan, kewangan semasa dan pembayaran dan juga informasi mengenai kelayakan kemudahan yang disediakan oleh IDBB.

Dari segi pemindahan dana dan pembayaran bil



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyaksikan sistem tempahan internet Penerbangan Diraja Brunei (RBA) sejurus melancarkan sistem tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.

E-PERNIAGAAN SEMAKIN BERKEMBANG

pula, para pelanggan tidak perlu menunggu giliran untuk memindahkan dana atau membayar bil-bil mereka; pemindahan dana boleh dibuat di antara akaun-akaun bersambung (link) IDBB; pembayaran bil-bil melalui internet dan membuat pembayaran atau pemindahan secara tertunda (on-off) atau secara ansuran.

Menerangkan lebih lanjut mengenai keperluan perkhidmatan itu, Pengarah Urusan IDBB, Pengiran Datin Paduka Hajah Ural dalam sembah aluannya di Majlis Pelancaran Eze-Net Perbankan Islam IDBB menyatakan bahawa para pelanggan secara detail akan dapat mengetahui tentang produk dan perkhidmatan IDBB termasuk cara pengiraan pembiayaan tertentu, kadar pertukaran mata wang asing dan lain-lain.

Selain dilihat dari segi kemudahan yang didapati, IDBB juga menyedari bahawa perkembangan aktiviti e-perbankan juga akan mengakibatkan risiko-risiko operasi strategik dan risiko undang-undang yang signifikan.

Terdapat beberapa isu psikologi atau persepsi kepercayaan terhadap bank, keselamatan transaksi melalui internet, privasi, pemantauan terhadap pihak ketiga sebagai penyelia perkhidmatan internet selain ketidak sanggupan untuk berubah dan pemilihan terhadap perkhidmatan yang dikendalikan oleh manusia berbanding mesin.

Perkara-perkara tersebut boleh menjejaskan proses penerimaan perkhidmatan perbankan internet di negara ini. Bagai-

manapun risiko adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam budaya korporat.

IDBB telah mengambil langkah yang perlu bagi memastikan persekitaran yang terjamin kepada pelanggan internetnya. Sebagai contoh, IDBB mengambil langkah dengan penyediaan 'internet firewall' dan rangkaian teknologi keselamatan yang canggih.

'Internet Information Server' IDBB boleh menampung 128 bit encryption keys yang boleh memberikan keupayaan tahap encryption yang paling tinggi 'Secure Socket Layer' (SSL).

Proses penyaliran IDBB berbentuk 'risk focused' melibatkan pengurusan aset IT yang berkualiti adalah melibatkan pihak pengurusan secara langsung bagi memastikan risiko-risiko utama yang terlibat dalam perbankan internet dapat diatasi.

Tidak dapat disangkal, salah satu ciri utama penerimaan pelanggan terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan itu ialah dengan memberikan kesedaran kepada mereka mengenai tawaran yang diberikan.

IDBB telah mengambil masa satu tahun dengan memfokus kepada beberapa aspek pemasaran, kelompok sasaran di samping menyediakan masa dan sumber yang cukup terhadap isi kandungan serta design laman webnya. IDBB berhasrat mempromosikan satu sistem yang mudah digunakan, tersendiri (personalised), mesra (friendly) dan selamat (secure).

Memberikan perkhid-

matan dan meningkatkan perniagaan yang mempunyai 'niche' tersendiri adalah merupakan usaha berterusan IDBB. Rancangan untuk membuka cawangan e-perbankan juga sedang dalam proses untuk dilaksanakan dalam masa terdekat.

Dengan menyediakan perkhidmatan mesin ATM, internet accessible Pcs dan kemudahan-kemudahan tele-perbankan dalam ruang yang sederhana se-tentunya perkhidmatan (e) yang futuristik itu akan dapat dilaksanakan oleh IDBB tidak lama lagi.

Dalam apa keadaan pun, IDBB masih percaya akan perlunya premium yang besar bagi penerbangan rangkaian cawangan di samping memerlukan pekerja-pekerja secara 'hand on' yang benar-benar mengetahui cita rasa dan kehendak pelanggan.

Ketika memasuki milenium baru ini, kesedaran untuk belajar dari pengalaman-pengalaman lepas perlu ada dalam usaha mewujudkan satu sistem kewangan yang selamat dan terjamin.

Adalah menjadi tanggungjawab IDBB untuk memastikan wujudnya keyakinan orang ramai terutamanya golongan pelajar dan belia terhadap institusi kewangan Islam amnya dan IDBB khasnya.

Sebagai satu-satunya Bank Pembangunan Islam di negara ini maka IDBB komited kepada perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam bukan sahaja dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara tetapi juga untuk menjadikan negara ini sebagai pusat kewangan antarabangsa yang disegani.

INDUSTRI tanaman hiasan meliputi hasil bunga keratan, tanaman pokok-pokok bunga dan pokok-pokok hiasan adalah berpotensi untuk dimajukan sebagai salah satu industri pengeluaran di negara ini. Pada amnya bunga orkid menguasai pengeluaran bunga keratan dan kebanyakannya dihasilkan di Daerah Belait.

Manakala bagi pokok-pokok orkid pula, ianya diimport dari Malaysia, Republik Singapura dan Thailand. Pokok-pokok orkid tersebut ditanam semula dalam pasu sebelum dijual di tamu-tamu. Permintaan bagi pokok-pokok orkid adalah amat menggalakkan dan mempunyai peluang perkembangan yang baik di masa hadapan.

Menurut Jabatan Pertanian florikultur mempunyai potensi untuk berkembang maju memandangkan jumlah nilai pasaran tempatan bagi produk florikultur adalah bernilai kira-kira \$2 juta setahun.

Pada tahun 2000, produk florikultur bernilai \$2.136 juta. Dari nilai tersebut \$114,000 adalah hasil jualan bunga keratan, di mana 95 peratus adalah terdiri daripada jualan bunga orkid.

Oleh kerana negara ini mempunyai iklim yang amat sesuai untuk tanaman orkid, pengusaha-pengusaha tempatan seharusnya lebih yakin untuk menceburi industri berkenaan bagi merebut peluang pasaran yang sedia ada.

Permintaan pasaran dunia bagi orkid semakin meningkat, yang mana Republik Singapura, Thailand, Malaysia dan Republik Indonesia adalah di antara negara pengeksport orkid utama ke Jepun, Eropah dan Timur Tengah.

Terdapat 14 genera orkid dan hibrid orkid di dalam pasaran. Orkid yang paling laris ialah genera : Arachnis, Dattleya, Dendrobium, Mohara, Phalaenopsis, Renanthera dan Vanda. Kesemua spesies orkid tersebut dipercayai boleh hidup di negara ini.

Melihat akan potensi florikultur terutamanya dalam penanaman orkid ini, pengusaha tanaman di negara ini perlu melihat akan potensi bunga-bunga untuk dimajukan sebagai salah satu industri pengeluaran tempatan.

Dalam hubungan ini, Jabatan Pertanian sebagai penggiat kepada perusahaan ini mempunyai kemudahan tisu kultur yang sesuai untuk pengeluaran pokok benih orkid secara besar-besaran.

Adalah dipercayai skop pembangunan terutamanya dalam mencipta hibrid baru adalah amat cerah dengan menggunakan germplasma spesies orkid liar di mana orkid hibrid yang berjaya dihasilkan mudah menemui pasaran dunia.

Dengan itu spesies tempatan berpeluang digunakan bagi menghasilkan



Wanita dalam perusahaan orkid

hibrid baru untuk eksport.

Memandangkan minat bagi penanaman orkid di negara ini sudah sedia wujud di kalangan masyarakat tempatan adalah tidak mustahil bagi pengusaha orkid tempatan menghasilkan hibrid baru.

Dalam hubungan ini Jabatan Pertanian akan bersedia membantu pengusaha-pengusaha menyedidiki teknologi terkini bagi menghasilkan hibrid orkid yang baru. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi pihak swasta bekerja rapat dengan pihak-pihak Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Universiti

Brunei Darussalam untuk menjayakan usaha penghibridan orkid liar.

Melihat akan potensi dan penanaman bunga-bunga orkid ini wakil PELITA BRUNEI di Pesta Hortikultur 2001 yang lalu sempat menemui bual dua orang pengusaha dan penggemar tanaman bunga orkid.

Seorang pengusaha tanaman bunga orkid, Hajah Rosnah binti Haji Ibrahim, yang sudah bergiat sepenuh masa dalam tanaman orkid lebih enam tahun mengusahakan melalui Syarikat AZURA Florist & Nursery ketika ditemui berkata, pada awal



INI adalah sebahagian dari bunga-bunga yang dipamerkan oleh seorang pengusaha bunga-bunga orkid iaitu Hajah Rosnah binti Haji Ibrahim di Pesta Hortikultur 2001. - Gambar oleh Amat HM.

penglibatannya, penjualan bunga-bunga orkid melalui ladang semaiannya seluas lima ekar di Kampong Wasan, berjaya menghasilkan sekitar lapan hingga 12 ribu ringgit sebulan daripada hasil jualanannya di kawasan tamu Gadong, pemberian khidmat nasihat hiasan dan belian terus dari ladang tanamannya.

Bagaimanapun katanya akhir-akhir ini hasil penjualan yang diusahakan bersama suaminya, Haji Harun bin D.S.L. Haji Samat dengan dibantu oleh beberapa orang pekerja agak merosot dengan pendapatan sekitar 6 hingga 8 ribu ringgit sebulan.

Menurutnya penurunan pendapatan ini adalah berpunca dari kemunculan pengusaha-pengusaha baru yang menjual secara langsung keratan bunga-bunga orkid yang mereka perolehi dari luar negara.

"Dulunya pengeluaran bunga-bunga orkid dihasilkan melalui penanaman dan pembiakan di kawasan ladang masing-masing setelah bunga-bunga berkenaan didapati dari luar negara.

Tapi sekarang para pengusaha dan peniaga bunga-bunga orkid ini kebanyakannya membuat penjualan terus keratan bunga-bunga orkid yang telah diimport atau dibeli dari negara jiran," ujarnya.

Dengan penjualan terus keratan bunga-bunga orkid ini sedikit sebanyak telah menjejaskan pendapatan para pengusaha bunga orkid yang mengusahakan



HAJAH ROSNAH BINTI HAJI IBRAHIM ... "Pada awal penglibatan penjualan bunga-bunga orkid melalui ladang-ladang semaiannya berjaya menghasilkan sekitar 8 hingga 12 ribu ringgit sebulan." - Gambar oleh Amat HM.



HAJAH KAMISAH BINTI HAJI SALEH ... "Perniagaan dalam bidang bunga-bunga ini boleh memberikan pendapatan yang lumayan." - Gambar oleh Abdullah HAD.

tanaman di ladang masing-masing.

"Ketidakstabilan harga penjualan orkid di kalangan pengusaha ini menjejaskan pendapatan hasil jualan," tambahnya.

Di waktu yang sama katanya, kedudukan kawasan ladang tanaman orkid yang disewakan oleh kerajaan agak jauh iaitu

lebih 40 kilometer dari tempat kediamannya, turut menjejaskan pendapatan di mana kos pengangkutan juga perlu diambil kira.

Manakala seorang lagi pengusaha yang sempat ditemui iaitu, Dayang Hajah Kamisah binti Haji Saleh yang telah mengusahakan tanaman bunga-bunga hiasan dan orkid sejak enam tahun lalu menjelaskan, perniagaan dalam bidang bunga-bunga ini katanya, boleh memberikan pendapatan yang lumayan.

Beliau yang mengusahakan perusahaan tanaman bunga-bunga seluas satu ekar di Jalan Sungai Akar berkata dalam sebulan beliau berjaya mengutip sejumlah \$3,000.00 dengan pendapatan bersih sebanyak \$1,000.00.

Penglibatan kedua-dua pengusaha ini jelas menunjukkan bahawa bidang perusahaan bunga-bunga juga berpotensi untuk diusahakan khususnya oleh kaum wanita.



INI pula sebahagian lagi tanaman orkid yang diusahakan oleh pengusaha tempatan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

MELIHAT akan potensi florikultur dalam penanaman orkid ini, pengusaha tanaman di negara ini perlu melihat akan potensi bunga-bunga untuk dimajukan sebagai salah satu industri pengeluaran tempatan.

CERPEN

OLEH E. SARAH

SENJA kian berlabuh. Gelap mengiringi malam. Namun bintang-bintang sudah mulai timbul menghadirkan diri.

Aku kesat air mata yang kian berakhir. Tika itu, sedih mengundang pilu. Berbicara aku sendirian.

"Beginikah nasib seorang yang ditimpa malang?" Aku mulai mengingati detik-detik yang sudah berlalu bersama sebuah peristiwa.

Keluarga yang kukenali sebagai keluarga angkat, memang memadai buatku sebagai pelindung. Tapi, siapa sangka siapa menduga, kelahiran anak sulung sekali gus anak kandung mereka setelah sembilan tahun aku menumpang kasih, merubahkan segala-galanya. Ibu yang aku kenali, kini membuatku semakin tak mengenalinya.

"Tika!..Tika!.. Tak dengar ke adik kamu tu nangis? Jangan ingat nak senang aje kat rumah ni, sedar diri tu sikit." Pedas sekali perkataan ibu.

"Buatkan susu adik kamu tu, asyik duduk aje tengok televisyen." semua perkataannya memedihkan perasaanku.

Hari minggu, jika dulu, akulah yang paling gembira. Tetapi keadaan tidak selalunya beruntung. Jika dulu, aku senang sekali dibawa bersiar, membeli-belah, tetapi sekarang, akulah orang yang paling banyak mengisakan masa untuk mengalirkan air mata.

"Hah.. menangislah tu, konon nak minta kasihan.." ibu akan berleter tak kira masa. Jika adik menangis, pastinya akulah orang yang paling bersalah di dalam rumah.

"Heh..Tika.. apa yang kamu buat kat dalam bilik tu hah?! Pemalas betul kamu ni, jaga adik kamu tu.."

Jika dulu, selalunya akulah penyeri hati ibu. Lebih lagi kepintaran yang kumiliki dalam persekolahan. Biasanya, akulah juara segalanya. tetapi sekarang akulah perosak, dan akulah yang menyebabkan banyak kesalahan di mata ibu.

Aku kian tersisih semenjak adik angkatku lahir. Aku cuba memberikan tumpuanku pada pelajaranku, tetapi gagal, prestasiku mendadak turun. Aku mulai merasakan hidup aku bagaikan si api kecil yang bakal memarakkan kehangatan hati ibu bila-bila masa saja. Satu ketika keluarga angkatku dipanggil oleh pihak sekolah.

"Kami rasa anak kamu ni ada masalah. Setiap kali kami bertanya, dia tak akan menjawab. Dia hanya berdiam diri. Sebagai wakil pihak sekolah kami rasa bertanggungjawab untuk mengetahui perkara yang sebenar. Prestasinya sangat tidak menyenangkan.." Terus terang guruku memberitahu kepada keluarga angkatku hal yang selama ini kupendam diam.

"Kami minta maaf cikgu, selama ini tak pula dia memberitahu kami jika dia ada masalah. Sebab, kami tengok dia ada juga belajar.." Ibu seperti hairan bila mendengar keterangan dari guruku.

"Sebaiknya Atikah perlu dibimbing dan diajar dengan teratur. Kerana pihak sekolah di sini merasakan, dia punya potensi yang baik sekali untuk berjaya dalam pelajarannya. Lagipun satu ketika dulu, dia pernah menaikkan nama sekolah ini. Kami amat berbangga dengan usahanya. Tetapi sekarang keadaan amat tidak menyenangkan pihak sekolah. Kerja sekolah, dia jarang menghantar, kadang-kadang dia tertidur dalam bilik darjah.." Panjang lebar guruku menjelaskan kelakuanku.

Aku yang berada di luar pintu darjah, tak mampu membendung kesedihanku. Guruku, ternyata memberi keterangan kepada orang yang salah. Bagaimana aku mampu belajar jika segala kerja rumah aku perlu buat termasuk jaga adik.

ADIK ANAK IBU, AKU ANAK SIAPA?



"Cikgu, sebenarnya, Atikah tu anak angkat kami. Dulu, dia memang anak yang baik, pintar dan menurut kata. Tetapi, sejak saya sudah melahirkan anak sendiri, dia tak se-gembira dulu lagi. Dia tak suka nak bercampur dengan adik angkatnya sekarang. Jika disuruh sikit, dia seperti tidak menyukainya. Dah puas kami menegurnya tetapi dia degil juga. Saya sudah tak tahu nak ajar macam mana lagi supaya dia menerima adik angkatnya.." Ibu mulai mengubah keterangan tentang diriku. Dulu, sewaktu aku masuk sekolah, tak pula ibu sebut-sebut pasal anak angkat.

Aku kian sedih mendengarnya. Bagaimana aku dapat bergaul, apalagi untuk bermain dengan adik. Silap sedikit, tangan ibu pasti hinggap ke badanku. Jika adik menangis entah apa, pasti akulah puncaknya. Degil sangatkah aku ni? Buruk betulkah perangai dan peranan seorang anak angkat ni? Bisikku geram.

"Begini saja, saya terpaksa gantung sekolah dia, sebab dia telah merokok dan bergaduh..."

"Ya Tuhan!.. Berat sungguh hukuman yang kuterima.."

Aku kian tersisih semenjak adik angkatku lahir. Aku cuba memberikan tumpuanku pada pelajaranku, tetapi gagal, prestasiku mendadak turun. Aku mulai merasakan hidup aku bagaikan si api kecil yang bakal memarakkan kehangatan hati ibu bila-bila masa saja. Satu ketika keluarga angkatku dipanggil oleh pihak sekolah.

Seseorang yang kukira dan yang kuharapkan boleh membantuku sejak sekian lamanya, ayah diam membisu dan membatu. Ternyata amat memedihkan lagi perasaanku.

Aku sendiri tak menyangka, jika dia beh menjadi ketua keluarga di rumah itu atau takut akan kehilangan isteri dan anak kandungnya.

Ayah.. selama ini, tidak pernah menjadi sebutan di bibirku. Kerana ayah tak pernah masuk campur urusan ibu untuk menguruskan hal. Ayah bekerja siang dan malam baru balik. Cuma sejak ada adik, dia mulai pandai balik awal dan pasti tumpuannya hanya pada adik. Ayah jarang berkomunikasi denganku. Si-kapnya yang berdiam diri, membuat aku takut akan sikapnya.

Semua yang aku terima dari ibu, sejak kecilku hingga aku dewasa, tidak memberikan apa-apa kesan pada ayah. Malah dia lebih banyak berdiam diri. Tak sangka aku mempunyai ayah seperti itu.

Sesekali, tidak juga aku menafikan, dia ada memberikan aku wang saku dan sedikit keperluan sekolah.

Semuanya pantas berlalu. Sejak aku dihukum dan diberikan tugas, masa harianku ketat sekali. Aku tidak punya tempat untuk mengadu. Keluarga sebelah ibu juga jarang sekali kutemui. Apa lagi keluarga sebelah ayah, mereka juga bersikap seperti ayah. Makin aku cuba memahami situasiku, makin aku binggung.

Sewaktu ketika, hari yang menjadi penamatku untuk menjadi anak angkat dalam keluarga ibu, dan bagiku, ialah sejarah yang tak harus kuulangi lagi.

Waktu itu, aku sedang mengemas rumah. Pagi lagi, aku harus bangun. Tak kira waktu sekolah atau cuti. Kalau tidak, pasti kemarahan ibu menjadi sarapan pagiku. Saat

Kesalahan yang tidak sepatutnya memberikan aku kian terkedu. Ketika guruku mendapati sedang memegang rokok, ialah pada saat temanku meminta aku memegangkannya sementara dia hendak masuk tandas sekejap. Akibatnya, akulah yang dituduh. Dan aku hanya berdiam diri ketika guruku mendapati keadaan. Aku terpaksa menanggung akibatnya, kerana temanku pada saat itu rupa-rupanya sudah hilang entah ke mana. Dan akibatnya, aku menaruh sakit hati dan kami bergaduh akhirnya. Untuk menerangkan keadaan yang sebenar, hanya sia-sia saja. Sebab temanku anak seorang yang berpengaruh dan berkedudukan.

Balik dari sekolah, aku sudah tahu akibatnya. Badanku lebam, muka berdarah. Ibu memukul dengan geram sekali. Tak sangka, aku yang dulu menjadi anak kesayangan, sudah menjadi anak buangnya.

PUISI

NASIB MERPATI PUTIH

Kusangkakan kau dapat hidup lama
bebas terbang ke mana-mana merayau-
rayau
di ruang angkasa biru memaksa hati
mencapai langit yang tenang
sayap yang lembut serba putih
turut menawan awan yang cerah.

Warna bulu yang putih bersih
menjadikan kilauan pancaran matahari
membawa harapan mengenang nasib
ditimpa malang
tanpa suara dan kawan sejati yang curang
lalu kau kibarkan bila saja bosan
kedua-dua sayap yang melawan tiupan
angin.

Turunlah ke bumi yang indah menawan
menjenguk si pemburu yang mencari
mangsa
pernah menghancurkan kehidupan
yang sering riang dan riuh rendah
hai mepati putih yang malang
betapa siksanya hidupmu.

Di bumi yang hijau lagi subur ini
dengan orakan hamparan kehijauan
pepohon
lambaran tiupan pohon-pohon yang ren-
dang
pergilah kau terbang semula ke dunia lain
mencari ketenangan dan kebebasan
membawa harapan sekeping hati yang
sepi.

Hj. Apandi Hj. Hidup

DI TAMU

Di tamu...
pelbagai jualan
yang ada
menanti dipilih
dan dibeli
segar...
layu...
murah...
mahal...
sedang-sedang
pun ada
tavar-menawar
sudah biasa
tertakluk budi
bicara
dan layanan mesra
tarikan peniaga
pembeli menghulur
wang
peniaga murah
rezeki.

Enny Eng, S.

TATAPAN BUAT INSAN TERSAYANG

Mana menghilang
kasih aslimu.

Mana sembunyi
belai sayangmu

Tahukah sayang
diri ini rasa sepi
sejak kau berubah
bagai halilintar
memecah bumi
hatiku geger
lalu hancur
berkecai
tersungkur
ke bumi.

Salah silapku
terang di matamu
hormat kasihku
kabur pandanganmu.

Aku bagai kecil
berada di sisimu.

Aku terhina
aku terluka.

Kembalilah
kemesraan dulu
pulanglah
cinta sucimu...

Ingat sayang
kita ada zuriat
ikatan erat
kasih erat
kasih kita
untuk selamanya.

RESTU

Tanpa restu
tanpa doa
maka
tak bermakna
segala.

Hati aman
jiwa damai
nurani tenteram
jika restu
menyapa alam.

Restu Tuhan
restu bonda
restu ayahanda
restu guru
restu semua.

Jangan takbur
jangan bangga
meninggi diri.

Tiada restu
tanpa doa
kau tak
berjaya
mendaki
anak tangga
berdiri tegap
di puncak menara
persada
menara gading.

Nor Azimah binti Mat/Mohd Salleh

PERJALANAN MENUJU SEPI

Kita akan lihat sejauh manakah
perjalanan kita
berundur kata atau menajam kata
atau untuk tunjuk hipokrit kita
untuk selama-lamanya
dengan kata-kata itu
orang dipengaruhi tanpa berfikir
namun bagi orang melihat dua badan
melihat mana betul dan mana salah
untuk diiktibar menjadi teladan
kerana perjalanan kita menuju kesepian
entah esok lusa anak-anak
tidak tahu siapa kamu dan peduli apa
kamu,
aku tidak tunduk semudah itu
kerana sikap penyampaian hati kamu
kita lihat sejauh manakah perjalanan
kita?
Dimesra atau dipisah terus...

SELAWAT KEPADA KASIH JUNJUNGAN

Selawat dan salam sentiasa di mulut
Setiap masa dan ketika.
Memohon safaat dan lindungan di akhirat
Junjungan kekasih Allah.
Diingat setiap masa kelahirannya
dan ketika solat lima waktu.
Dalam berucap, berdoa dan khutbah
sentiasa diucap dengan bertasbih
jangan pupus sentiasa mengingatinnya
ucaplah selawat setiap waktu.

Nonim HT.

Dari muka 12

itu, adik masih tidur
dalam buaian, di ruang
tamu. Dan sepatutnya,
pembantu rumah yang
baru tiba minggu lepas
yang menjaganya. Entah
bagaimana, adik mungkin
terjaga dari tidur dan tiba-tiba
kedengaran suara,
"Bukk.." dan "Wa.. waaa..
wa.." Jerit tangisnya
membangunkan seisi
rumah.

Adik terjatuh, dan
kepalanya terhantuk pada
besi buaian yang tidak
bergantung di siling. Aku
terlebih dahulu sampai,
mengangkat dan cuba
untuk memujuknya. Dan
bila ibu melihatku, terus
adik direbutnya dalam
pelukanku dan terus hing-
gap penampar di pipiku.
aku cuma diam. Untuk
menangis, tiada gunanya
juga. Aku merasakan air
mataku seperti sudah ke-
ring. Pembantu rumah
yang baru keluar dari tan-
das turut bergegas
mendengar tangisan adik.
Gemanya kian kuat, seol-
olah turut menyatakan
kesalahanku.

"Apa yang kau buat ni
hah...pagi-pagi begini dah
biarkan anak ni
menangis." Pasti ibu san-
gat marah. Lebih lagi hari
yang tak bekerja, ibu
biasanya bangun lewat.

"Anu.. Bu.. tadinya,
sewaktu saya tinggalkan
baby, dia masih tidur..
enggak tau dihi.. kenapa
dia nangis pula.." pem-
bantu rumah turut ketaku-
tan. Dan dia mau mem-
bela diri seolah-olah
menyalahkan aku juga.
Ibu memandang tajam ke
arahku.

"Kamu ni.. dasar
kepala batu.. bangsat
betul, menyesal aku
memelihara kamu. Kalau
tahu dari dulu lagi, tak
payahlah kau lahir.." Tajam
betul perkataan ibu.
Aku menjadi kaku. Ayah
hanya berdiam diri seperti
biasa. Mereka berusaha
mendiamkan adik. Aku

masih tercegat.

"Hah.. apalagi.. kerja
kamu sudah siap ke?"
Sergah ibu.

Aku pantas mencapai
penyapu yang tadinya aku
biarkan. Bagaimana aku
mengetahui jika pembantu
rumah kami ada di sisi
adik ketika itu sedangkan
aku perlu membersihkan ka-
wasan belakang dapur.
Tugas seperti itu perlu aku
buat walaupun sudah ada
pembantu rumah.

"Nanti dulu.." Ibu
menahanku dari terus
beredar dari ruang tamu.

Sepantas itu, cubitan
cubitan yang berbisa ku-
terima jua akhirnya seba-
gai hadiah mendingkan
adik dari tangisannya.

"Nah..rasakan... kepa-
la adik kamu dah benjol..
kalau tak kerana kamu
cuai..." Serentak itu pe-
nyapu yang juga ada di
tanganku, dirampas dan
hinggap terus ke tubuhku.
Perit sekali rasanya.
Dengan keadaan tubuhku
yang dah semakin kurus,
ibu sudah tak tertahan
menjadikan aku mangsa
kemarahannya. Ibu sema-
kin sakit hati melihatku.
Dan ibu mahu aku di-
sisihkan dari pandangan-
nya.

Serentak pagi itu, be-
lumpun habis kesaki-
tanku, ayah sudah berge-
gas membawaku keluar
dari rumah. Semua paka-
ian dan barang-barangku
perlu dibawa bersama.

Dalam perjalanan, itu-
lah kali pertama dan aku
agak kali terakhir ayah
berbicara panjang.

"Tika.. selama ini,
ayah tak tahu macam
mana nak tolong kamu.
Bukan ayah membenci
kamu, Walaupun seba-
narnya kau bukan anak
kandung ayah, ayah seba-
narnya sangat sayang den-
gan kamu. Tetapi, ayah
sudah berjanji dengan ibu
kamu, sebelum kamu di-
lahirkan, sampai saatnya
kamu membesar, ayah tak
boleh masuk campur de-



ngan urusan ibu kamu.
Kerana saat ibu dan ayah
bernikah, Tika sudah lahir
tiga bulan. Ayah tak me-
nyangka keadaan bertam-
bah buruk lagi..." Aku
hanya mampu berdiam
diri. Aku tenang mende-
ngarnya.

"Selain ayah.. ibu
sendiri tak mengetahui
siapa ayah kandung Tika
yang sebenar, sebab se-
waktu ibu mahu bernikah
dengan ayah, ibu baru
tahu, bahawa dia bakal
punya anak. Kami terpak-
sa menjauhi keluarga sela-
ma dua tahun. Memang
pada mulanya ayah rasa
sangat tertipu, namun
hakikatnya, ibu kamu ter-
perangkap oleh lelaki
yang membuatnya tak
sedar diri selama satu
bulan." Keterangan ayah
menambahkan keruntuhan
nilai seorang anak sepe-
rtiku. Walaupun aku tidak
begitu memahami cerita
di sebalik peristiwa ibu
dan kelahiranku, aku
hanya pasrah.

Saat itu, mulai detik itu
aku sah menjadi penghuni
pusat pemulihan akhlak.

"Nor Atika bte
Abdullah, kamu mulai
sekarang harus mematuhi
peraturan di sini dan kamu
harus mengikuti program
ini sampai kamu menda-
pat gred yang terbaik.." Seorang wanita yang ku-
kira sebagai ketua di pusat

itu memberikan ketera-
ngan padaku.

"Jika kamu tidak
mematuhi arahan-arahan
yang ada, kamu akan
dihukum setimpal dengan
kesalahan kamu.." Te-
rangnya lagi.

Aku hanya tunduk
membisu. Harapan apa-
kah yang kunantikan lagi
jika aku sudah mempun-
yai rekod yang buruk
sebelum aku dilahirkan
sehinggalah aku di-
lahirkan. Tiada lagi yang
dapat kugambarkan, me-
lainkan peraturan demi
peraturan buat hidupku.

Sempat ayah mem-
elukku sebelum dia
meninggalkanku menjadi
penghuni di pusat itu dan
satu-satunya yang akan
kukenang sepanjang ha-
yatu, ketika ayah mem-
elukku mesra sambil
berbisik, "Maafkan ayah
Tika, juga ibumu dan
adikmu.."

Hancur luluh rasa
hatiku mendengarnya.
Aku menangis sambil
mengangguk, ikhlas me-
maafkan keluargaku.
Walaupun hakikatnya, ibu
tidak mengakui darah
dagingnya.

Dan detik yang paling
menyedihkan aku setelah
dua tahun menjadi
penghuni pusat itu, gredku
baik dan ini bermakna aku
di bolehkan kembali kepa-
da keluargaku. Keluarga
kandung yang selama ini
telah memelihara dan ku-
anggap keluarga angkat
kerana ibu yang me-
nyatakan pada semua
orang, membuatkan aku
takut untuk kembali ke
pangkuan mereka. Kehar-
monian yang mereka
kecapi tak akan kuusik
lagi. Cukuplah apa yang
sudah kualami. Dan untuk
aku terus bertahan di
pusat ini, aku terpaksa
membuat helah dan menu-
runkan gredku lagi. Yang
pasti, bagiku aku hanya
aku dan tiada sesiapa
buatku lagi kerana aku
takut untuk menghadapi
suasana di luar pusat!

DAN detik yang paling menyedihkan aku setelah dua
tahun menjadi penghuni pusat itu, gredku baik dan ini
bermakna aku dibolehkan kembali kepada keluargaku.
Keluarga kandung yang selama ini telah memelihara
dan kuanggap keluarga angkat kerana ibu yang me-
nyatakan pada semua orang, membuatkan aku takut
untuk kembali ke pangkuan mereka.



سنتيائس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 22 OGOS

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR - STATIC SHOCK/X-MEN EVOLUTION
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.30	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE
5.45	BERITA
5.55	TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - Sambungan
6.31	AZAN MAGHRIB
6.45	LENTERA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	SIHAT CERGAS - Ulangan
7.42	AZAN ISYAK
7.48	SIHAT CERGAS - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.20	TEKAD
9.05	DRAMA
9.45	RENTAK - "Masyarakat Melayu Murut - Daerah Temburong" Bahagian II
10.00	NEWS AT 10
10.30	RENTAK - Sambungan
10.45	DOKUMENTARI
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 23 OGOS

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : DENVER : THE LAST DINOSAUR/JYM AND JAM

5.00	WILDLIFE - 'Tiger!'
5.45	BERITA
5.55	WILDLIFE - Sambungan
6.31	AZAN MAGHRIB
6.45	LENTERA

MALAM

7.00	SURAH YAASSIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.41	AZAN ISYAK
7.47	GEMA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - 'Takana Juo Kampung'
11.00	WAYANG PILIHAN - 'Thrill Seekers'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 24 OGOS

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	TAMAN SARI
11.30	BERITA
11.40	JEJAK RASUL SIRI 5 - Ulangan
12.15	DISCOVER ISLAM: DR. ZAKIR NAIK SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANG GAMBAR - 'Homeward Bound'
3.36	AZAN ASAR
3.41	TAYANG GAMBAR - Sambungan
4.40	ANIMATION HOUR : VOLTRON DEFENDER OF THE UNIVERSE/ SANG WIRA SYIAR MASJID
5.30	SYIAR MASJID
5.45	BERITA
5.55	SYAIR MASJID - Sambungan
6.05	UNEARTHED
6.30	AZAN MAGHRIB
6.45	LENTERA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	WANITA
7.41	AZAN ISYAK
7.47	WANITA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA RTB : MENITI BENANG SUTERA
9.30	TECHNOLOGY WORLD
10.00	NEWS AT 10
10.40	KHUTBAH JUMAAT

10.55	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATION - AL CUP 2001 - 'Bafa XI lwn Pahang F.A.'
12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 25 OGOS

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR : MIKE, LU & OG
11.00	JAWS AND CLAWS - BERITA
11.30	BERITA
11.40	DRAMA CO PRODUCTION: 'Sekali Air Bah' - Ulangan
12.10	FILLER
12.24	AZAN ZUHUR
12.35	DOKUMENTARI: IDENTITI - Ulangan

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Amy'.
2.40	KAMPUNG KITA - 'Kampung Batang Mitus' Edisi 1 - Ulangan
3.10	PETER BENCHLEY'S AMAZON
3.35	AZAN ASAR
3.40	PETER BENCHLEY'S AMAZON - Sambungan
4.00	RESCUE INTERNATIONAL - 'Great Escape'
4.45	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001 - 'Persua lwn Song Lam Nghe An'
5.45	BERITA
6.00	DRAMA RTB : OPIS - Ulangan
6.30	AZAN MAGHRIB
6.45	LENTERA

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	GOOD MEDICINE - Siri Baru
7.40	AZAN ISYAK
7.50	GOOD MEDICINE - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	SIARAN LANGSUNG BINTANG REMAJA 2001
10.00	NEWS AT 10
10.30	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS - 'D.P.M.M. F.C. lwn Selangor'
12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 26 OGOS

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN

6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.10	TAMAN SARI
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'Huck And Tom's Mississippi Adventures'
12.24	AZAN ZUHUR
12.30	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	BEYOND THE TRUTH - 'Mutilation Files'
2.30	SCIENCE INSIGHT
3.00	DRAMA: MISTERI DANAU TAMBLINGAN
3.34	AZAN ASAR
3.40	DRAMA - Sambungan
4.05	PERTANDINGAN BAHAS SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAN MAKTAB PERINGKAT NEGARA 2001 - Bahasa Inggeris - Suku Akhir Keempat
4.45	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001 - 'Beco-Tero Sasana lwn Happy Valley A.A'
5.45	BERITA
6.00	DOKUMENTARI
6.30	AZAN MAGHRIB
6.45	LENTERA

MALAM

7.00	SEJUTA MAKNA SIRI 3
7.40	AZAN ISYAK
7.46	SEJUTA MAKNA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Cuai'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001 - 'Song Lam Nghe An lwn Bafa XI'
12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 27 OGOS

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION : C.O.P.S.
4.45	VISIT BRUNEI LEAGUE

CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001 - 'Pahang F.C. lwn Persua'
BERITA
OUR PLANET
AZAN MAGHRIB
LENTERA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	ASBABUN NUZUL
7.39	AZAN ISYAK
7.45	ASBABUN NUZUL - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO PRODUCTION: - MANIS BERPEKAN
9.30	TELESKOP
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001 - 'Happy Valley A.A. lwn D.P.M.F.C'
11.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 28 OGOS

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: WISHKID
4.45	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001 - 'Selangor F.C. lwn Bec-Tero Sasana'
5.45	BERITA
5.55	FILLER
6.00	DRAMA CO PRODUCTION: Udag Galah Limau Manis - Ulangan
6.29	AZAN MAGHRIB
6.45	LENTERA

MALAM

7.00	MY BEST FRIEND IS AN ALIEN - 'Pre Teen Party Quter'
7.25	DOKUMENTARI
7.39	TEMPATAN - SELAGI DAYA
7.48	AZAN ISYAK
8.00	DOKUMENTARI
8.50	TEMPATAN - Sambungan
9.25	BERITA NASIONAL
10.00	TINJAUAN
10.30	NEWS AT 10
11.15	THE X FILES - 'Badlaa'
12.25	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001 - 'Bafa XI lwn Persua'
	DOA DAN SIARAN TAMAT

Kawasan perumahan baru Meragang

MUARA, 19 Julai. - Ke arah memberikan kesejahteraan kehidupan rakyat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjadikan kawasan Meragang sebagai tapak baru kawasan perumahan bagi Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN).

Kawasan berkenaan menyediakan 250 ekar tanah bagi 1,830 lot rumah serta kemudahan sekolah rendah, menengah, sekolah agama, dewan kemasyarakatan, taman asuhan kanak-kanak, surau dan kawasan permainan.

Sebagai langkah permulaan bagi melaksanakan projek itu, Majlis Pecah Tanah telah dimulakan yang dirasmikan oleh Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Jumin bin Haji Marsal di kawasan tapak pembinaan.

Oleh Haji Ahat HI

Pada peringkat awal projek ini kerja-kerja pembersihan kawasan, jalan serta kemudahan lain dilaksanakan pada 15 Mei lepas dan dijangka siap pada bulan November tahun depan.

Projek yang akan menempatkan sejumlah 13,000 orang penduduk itu dijangka akan menyediakan rumah-rumah kelas 'D' dan 'E', rumah teres dan berkembar.

Setakat ini sejumlah 2,417 lot didiami di Skim Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, 2,500 lot di Kampong Rimba, Kampong Mentiri 700 lot, Serasa 52 lot, Bukit Beruang 1,690 lot, Kampong Pandan 1,450 lot dan Kampong Ratie 428 lot.



PENGARAH Kemajuan Perumahan, Awang Haji Jumin bin Haji Marsal ketika melakukan pecah tanah bagi tapak pembinaan Skim Rancangan Perumahan Negara kawasan Meragang. - Gambar oleh Masri Osman.



PENOLONG Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd. Alimin bin Tanjong ketika memimpin sesi taklimat bagi para penghulu dan ketua kampung. Majlis berlangsung di Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Sesi taklimat bagi para penghulu dan ketua kampung

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 4 Ogos. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah menganjurkan satu sesi taklimat bagi para penghulu dan ketua kampung yang berlangsung di Kementerian Pembangunan di sini.

Taklimat itu telah dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd. Alimin bin Tanjong.

Sesi taklimat itu melibatkan tiga agensi kerajaan iaitu dari Jabatan Perkhidmatan Pos, Jabatan Ukur dan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Seorang penceramah dari Jabatan Perkhidmatan Pos, Awang Kamis bin Halus, Pegawai Pos dari Unit Penyerahan antara lain menyentuh punca kelambatan penghantaran surat itu jelasnya disebabkan oleh penggunaan alamat yang tidak betul dan tidak bersistematis.

Beliau juga mengingatkan kepada para penghuni rumah persendirian supaya menyediakan peti surat khas bagi memudahkan lagi kerja-kerja penghantaran surat.

Menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Pos, setiap hari mengendalikan lebih 40 ribu sampul surat.

Selain dari Jabatan Perkhidmatan Pos, para pegawai daripada Jabatan Ukur dan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi juga menyampaikan taklimat mereka di majlis tersebut yang berhubungkait dengan peranan jabatan berkenaan.

Hadir di majlis taklimat itu ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani.

Tujuan taklimat itu adalah untuk memberikan pendedahan dan penerangan kepada para penghulu dan ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara mengenai peranan yang dimainkan oleh setiap agensi kerajaan.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Apakah tajuk cerpen yang dikeluarkan Akhbar Rasmi Pelita Brunei pada 8 November, 2000?

2. Bilakah tarikh Majlis Sambutan Hari Guru dan Israk Mikraj anjuran Persatuan Melayu Keriam Tutong di Bangunan PESAKA?

- a). 23 Oktober, 2000
- b). 25 Oktober, 2000
- c). 27 Oktober, 2000

3. Berapa ramai pegawai dan kakitangan daripada 6 buah jabatan di bawah Kementerian Perhubungan menerima sijil-sijil yang telah mengikuti kursus komputer?

- a). 20 orang pegawai
- b). 27 orang pegawai
- c). 29 orang pegawai

**ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN**

Alai Pintar

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 1 Ogos, 2001.

1. C 2. C 3. B.

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN PELITA BRUNEI 1 OGOS, 2001.

MD. KHAIRUL JAZLI BIN HAJI SAMAD
NO : LOT 4040,
KAMPONG SUNGAI LIANG, KC 1135
UMUR : 9 TAHUN
DAERAH BELAIT
SEKOLAH RENDAH SUNGAI LIANG.

NURSYAEIRAH BINTI ZAINAL
NO : 22Q, JALAN KOTA BATU
KAMPONG BATU MARANG, BU 1529
UMUR : 5 TAHUN
SEKOLAH RENDAH BATU MARANG.

NURKHAIRIYAH BINTI HAJI SAMAD
NO : 4, KAMPONG DANAU,
DAERAH TUTONG, TC 2345
UMUR : 11 TAHUN
SEKOLAH RENDAH DANAU TUTONG II.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 488

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 488,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

BERANGKAT KE PAMERAN BUNGA-BUNGA HIDUP

BERAKAS, 12 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan berangkat ke Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pameran Bunga-bunga Hidup yang diselenggarakan oleh Pertubuhan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam.

Pertandingan tersebut merupakan salah satu acara sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Kebangkitan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertubuhan Pengelola yang diketuai oleh Penasihat Jawatankuasa Tertinggi WI, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali yang juga selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Pertandingan.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Yang Dipertua Persatuan WI, Dayang Hajah Marhani binti Abdul Latif dalam sembah alu-aluan menjelaskan, Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap tahun ini telah dilancarkan penyertaannya ke seluruh mukim di Daerah Brunei dan Muara termasuklah Kampong Ayer di mana ianya mula dianjurkan tahun lepas.

Menurutnya, pertandingan adalah dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pentingnya kebersihan serta keindahan suasana kawasan tempat kediaman masing-masing serta memberi semangat perpaduan dan rasa tanggungjawab dalam sama-sama meningkatkan dan mengekalkan kebersihan dan keharmonian hidup berkam-

Oleh Siti Muslihat HS
Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah dan Haji Masmaleh HMA

pung ke arah menuju kesejahteraan hidup.

Di majlis itu, jawatankuasa pengatur menyempakan tayangan video mengenai penghakiman pertandingan seni landskap yang bermula pada bulan Mei dan berakhir pada bulan Julai lalu.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berkenan mengurniakan piala pusingan kepada penerima hadiah terbaik keseluruhan dan hadiah-hadiah pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap bagi kawasan darat serta hadiah-hadiah dalam beberapa kategori pertandingan.

Pemenang keseluruhan terbaik bagi kawasan darat dimenangi oleh Kawasan 5 Rancangan Perumahan Lambak Kanan dan hadiah dite-

rima oleh ketua kampung kawasan berkenaan, Awang Haji Azamain bin Haji Kahar.

Pemenang bagi kawasan terbaik di darat menerima piala pusingan sumbangan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Sementara itu, DYTM Pengiran Isteri pula berkenan mengurniakan piala pusingan kepada penerima hadiah terbaik keseluruhan dan hadiah-hadiah pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap bagi kawasan Kampong Ayer, seni gubahan bunga dan cenderamata kepada isteri-isteri wakil-wakil diplomat asing di negara ini yang menyertai pameran.

Pemenang keseluruhan terbaik bagi kawasan air dimenangi oleh Kampong



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam tertarik dengan kesuburan beraneka jenis bunga kaktus yang dipamerkan.

Burung Pinggai Ayer yang diterima oleh ketua kampung berkenaan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Omar yang menerima piala pusingan kurnia DYTM Pengiran Isteri.

Di majlis tersebut, Kebawah DYMM dan DYTM berkenan menerima pesambah dan disusuli kemudian

oleh bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badruddin yang juga memulakan bacaan Surah Al-Fatihah di awal majlis.

Kebawah DYMM kemudian dijunjung untuk menyaksikan pelbagai pameran

yang menjurus kepada hiasan seni landskap dan beraneka pertandingan bunga-bunga dan pameran yang turut disertai oleh agensi kerajaan, suruhanjaya dan kedutaan asing di negara ini, di samping penyertaan dari pihak swasta dan perseorangan.

Pameran selama enam hari itu dibukakan bagi kun-

jungan orang ramai dan ianya memberikan peluang kepada pengusaha tanaman bunga-bunga tempatan termasuk swasta dan perseorangan mempromosi hasil tanaman masing-masing.

Tema pertandingan tahun ini ialah 'Kebersihan dan Keindahan Menuju Ke Arah Kesejahteraan'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menyaksikan bunga-bunga hidup yang telah dikeringkan dan menjadi perhiasan rumah yang menarik yang diusahakan oleh pengusaha tempatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menyaksikan dan seterusnya menerima penerangan ringkas mengenai bunga-bunga hidup yang dipamerkan oleh Suruhanjaya British ke negara ini (atas).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani berkenan menyaksikan Pameran Bunga dari Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke negara ini (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan mengurniakan piala pusingan kepada pemenang terbaik Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap bagi kawasan darat kepada Awang Haji Azamain bin Haji Kahar (kiri). Sementara Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan mengurniakan piala pusingan kepada pemenang terbaik bagi kawasan Kampong Ayer iaitu Kampong Burung Pinggai Ayer yang diterima oleh ketua kampung berkenaan, Awang Haji Abdul Rahman.

